

MEDIA WARGA KOTA WILAYAHKU

Ilustrasi: NAIM MD ISA/WK

Enggan label Hamas pengganas, negara terima ancaman

Fenomena *home theatre*
sudah berlalu
>> 7

Terokai dunia
tersembunyi di WP
>> 9 - 11

Keunikan makanan negara
gajah putih
>> 16

ATM sedia hantar Tentera Pengaman jika diberi mandat daripada PBB

SYED HAZIQUE

KEMENTERIAN Pertahanan (MINDEF) melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersedia menghantar Tentera Pengaman (*peacekeepers*) ke Palestin jika mendapat mandat yang jelas daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Menteri Pertahanan, **Datuk Seri Mohamad Hasan**, berkata buat masa ini, tiada sebarang keputusan oleh PBB untuk menghantar Tentera Pengaman ke Palestin.

“Keputusan untuk menghantar trup tentera secara unilateral ke sesuatu kawasan bergolak bukanlah keputusan mudah dan memerlukan penelitian pelbagai pihak, termasuk Kementerian Luar Negeri, pandangan negara-negara sekitar yang dilanda krisis dan yang paling utama, perlu mendapat mandat yang jelas daripada PBB.

“Sehingga kini, Malaysia sentiasa komited dalam memberi sokongan terhadap usaha mencapai keamanan sejagat di bawah panji-panji PBB. Ini terbukti sejak tahun 1960, ATM telah terlibat dalam 37 misi, sama ada sebagai Tentera Pemerhati atau Tentera Pengaman, seperti

misi pengaman di Congo, Somalia, Namibia, Cambodia, Bosnia Herzegovina, East Timor dan yang terkini di Lubnan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan Belanjawan 2024 peringkat dasar bagi kementeriannya di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Tambah beliau, sehingga kini, pihak ATM masih terlibat dalam lima misi antarabangsa di bawah PBB iaitu satu Misi Pengaman di Lubnan (United Nations Interim Force In Lebanon, UNIFIL) mulai tahun 2007 dan empat Misi Pemerhati yang lain.

Namun, Mohamad Hasan menjelaskan pihak MINDEF melalui ATM sentiasa bersiap siaga, termasuklah pasukan Pengaman MALBATT yang bertugas di bawah UNIFIL, Lubnan.

“Pihak kementerian mengikuti secara dekat perkembangan di Palestin, dan bersedia memberi kerjasama penuh jika diperlukan bagi membantu urusan evakuasi rakyat Malaysia di kawasan yang terkesan, di samping memantau tahap keselamatan anggota MALBATT di Selatan Lubnan,” ujarnya. **WK**



SEJAK tahun 1960, ATM telah terlibat dalam 37 misi sama ada sebagai Tentera Pemerhati atau Tentera Pengaman.

Mekanisme harga dua peringkat minyak masak

JEMAAH Menteri secara prinsip bersetuju dengan cadangan pelaksanaan mekanisme *two tier pricing* atau harga dua peringkat untuk mengawal harga minyak masak, kata Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), **Datuk Armizan Mohd Ali**.

Beliau berkata cadangan itu antara lain melibatkan pendekatan baharu penetapan harga minyak sawit mentah (CPO) yang berbeza bagi edaran domestik dan eksport.

“Arahan lanjut daripada Kabinet berkaitan cadangan itu ialah supaya kementerian yang terlibat membuat sesi libat urus langsung dengan pemain industri berkaitan.

“Saya yakin Kementerian Perladangan dan Komoditi akan membuat pengumuman berkaitan pendekatan harga dua peringkat bagi CPO ini tidak lama lagi,” katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 bagi kementerian itu di Dewan Rakyat pada Rabu.

Sementara itu, Armizan berkata anggaran RM1.9 bilion diperlukan KPDN bagi melaksanakan subsidi minyak pada tahun ini.

Beliau berkata peruntukan asal berjumlah RM500 juta telah habis dibelanjakan pada dua bulan pertama tahun ini, manakala dana tambahan RM400 juga sudah digunakan.

“Khamis lepas kita dapat lagi tambahan RM350 juta untuk tampung keperluan subsidi ini dan Kementerian Kewangan sudah beri komitmen bahawa peruntukan tambahan akan



ARMIZAN ketika Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen pada Rabu.

disalurkan bagi teruskan subsidi,” katanya.

Menurutnya peningkatan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan pelaksanaan subsidi minyak itu berpunca daripada kenaikan luar jangka dan keterlaluan harga CPO.

Beliau berkata pada 2019 kerajaan hanya memperuntukkan sejumlah RM269 juta bagi subsidi itu, sebelum meningkat kepada RM528.2 juta pada 2020, RM2.19 bilion (2021) dan RM2.41 bilion tahun lepas.

Dalam pada itu, menjawab celahan Suhaizan Kayat (PH-Pulau) sama ada kerajaan mempunyai perancangan untuk mengelakkan ketirisan subsidi

minyak, Armizan berkata pengagihan minyak mengikut zon antara syor yang dipertimbangkan untuk mengatasi isu itu.

“Sekarang kita buat edaran mengikut negeri tapi kita fikir pengagihan mengikut zon seperti Utara, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak mungkin lebih mudah untuk lakukan pemantauan.

“Bagaimanapun, kita akan lihat laporan audit yang kita jangka terima pada suku pertama tahun depan dan jadinya rujukan untuk merangka mekanisme baharu yang lebih baik,” katanya. - **BERNAMA**

PM terima kunjungan Rutte bagi perbincangan dua hala

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat rakan sejawatan dari Belanda, Mark Rutte sempena Lawatan Kerja ke Malaysia di kediaman rasminya di Seri Perdana, Putrajaya baru-baru ini.

Pertemuan tersebut diadakan bagi mengadakan perbincangan dan mengukuhkan hubungan dua hala negara Malaysia-Belanda.

Kunjungan itu juga membolehkan kedua-dua pemimpin tersebut bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang terkait dan juga demi kepentingan bersama.

Antara isu yang diketengahkan adalah industri kelapa sawit, kerjasama digital, kecerdasan buatan, teknologi semi-kondutor, yang pastinya banyak untuk dikongsikan antara kedua-dua negara. **WK**



ANWAR (kanan) bersama Rutte (kiri).

Malaysia terus sokong Palestin biarpun terima 3 notis dari AS

AZLAN ZAMBRY & SYED HAZIQUE

MALAYSIA dikenakan tiga notis tata tindak daripada Kedutaan Amerika Syarikat berhubung keengganan negara mengisytiharkan Hamas sebagai pengganas.

Perkaraitudimaklumkan sendiri Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim**. Tegas beliau, sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka, Malaysia berhak untuk menyuarakan pandangan negara dalam isu-isu semasa khususnya yang melibatkan hak kemanusiaan sejagat.

“Seperti yang saya jelaskan semasa Himpunan Malaysia Bersama Palestin pada 24 Oktober 2022, Selasa lepas, ini bukanlah isu negara Arab semata-mata tetapi isu kemanusiaan yang wajar disuarakan dan dipertahankan oleh seantero masyarakat dunia.

“Meskipun kebarangkalian bakal berdepan dengan teguran atau amaran daripada mana-mana pihak, Malaysia tidak akan tunduk kepada sebarang bentuk ugutan.

“Elemen-elemen di atas boleh datang dalam pelbagai keadaan dan cara, sama ada tersurat mahupun tersirat,” katanya di Parlimen baru-baru ini.

Tambah beliau, Duta Besar Malaysia,

Datuk Seri Mohamad Nazri Aziz di Washington telah dipanggil oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat dan ditekan mengenai pendirian negara berkenaan isu Palestin.

Bagaimanapun, beliau tidak memperincikan tarikh satu lagi notis rasmi yang dihantar terus kepada duta besar Malaysia di Washington.

“Oleh kerana keengganan kita untuk membantah tindakan Hamas dan tidak menganggap Hamas sebagai pengganas, saya mendapat maklumat, Kementerian Luar menerima *demarche* iaitu tata tindak daripada Kedutaan AS sebanyak dua kali iaitu pada 13 dan 30 Oktober lalu serta sekali (satu lagi notis) kepada duta besar.

“Ia disebabkan pendirian kita terutama keengganan kita menganggap Hamas itu sebagai badan pengganas.

“Saya sudah menjawab dalam majlis (solidariti Palestin) baru-baru ini, saya tegaskan bahawa Malaysia kekal dengan pendirian bebas kita dengan pertimbangan kemanusiaan dan menganggap pencerobohan itu satu kesalahan.

“Malah ia juga terbukti salah dari segi undang-undang dan kaedah antarabangsa kerana perkara ini sudah berlarutan sejak 1948,” jelasnya. **WK**



ANWAR pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMTQ) di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Malaysia negara berdaulat, tidak terjejas dengan tindakan AS

PENDIRIAN tegas yang disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam mempertahankan Palestin mendapat perhatian seluruh dunia termasuk kuasa besar Amerika Syarikat (AS) yang menyatakan tidak senang dengan tindakan tersebut hingga mengeluarkan tiga *demarche* berhubung konflik tersebut.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), **Dr Nizamuddin Alias** berkata secara mudahnya *demarche* bermaksud tata tindak dalam konteks diplomasi yang dikeluarkan oleh diplomat.

“Ia lazimnya mengandungi kenyataan atau bantahan kepada satu pihak yang lain dan setakat ini dapat dijangkakan tiada sebarang perubahan kepada dasar luar Malaysia sekalipun pihak AS berpihak kepada Israel,” katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Menjelang lanjut, Nizamuddin berkata kenyataan dan tindakan Perdana Menteri mengelilingi negara-negara Arab baru-baru ini menandakan bahawa Malaysia tidak akan berdiam diri dengan penderitaan rakyat Palestin sekali gus menandakan pendirian tegas Malaysia.

“Tindakan tersebut adalah pendirian yang biasa dikeluarkan oleh Malaysia sejak dahulu. Namun berkemungkinan Perdana Menteri



SEBAGAI sebuah negara yang berdaulat, Malaysia bebas menyatakan sokongan terhadap mana-mana negara yang berdepan dengan peperangan.

dilihat bersungguh-sungguh dalam mempertahankan Palestin menyebabkan reaksi kurang senang ini ditunjukkan oleh beberapa pihak

yang menyokong tindakan dan kekejaman yang dilakukan Israel.

“Kita juga sedia maklum bahawa tidak sekadar *demarche* bahkan Duta Malaysia ke AS, Datuk Seri Mohamad Nazri Aziz juga telah dipanggil oleh Jabatan Negara AS berhubung pendirian tegas Malaysia,” katanya.

Jelasnya, meskipun nota bantahan dan tindakan memanggil Duta Malaysia ke AS, ia berkemungkinan tidak akan menjejaskan hubungan

bilateral di antara Malaysia dan AS yang terjalin selama ini.

“Masih terlalu awal untuk mengatakan keadaan yang sedemikian berlaku. Dalam konteks Undang-undang Antarabangsa serta Hubungan Antarabangsa, Malaysia dan AS adalah negara berdaulat.

“Kedua-dua negara memiliki wewenang untuk menentukan corak dasar luar mereka. Ia semestinya bersesuaian dengan kepentingan masing-masing dan biasanya ditentukan oleh sejarah, geografi dan geopolitik kedua-dua negara. Justeru, bukanlah sesuatu yang

menghairankan kalau pendekatan dan tindakan yang diambil tidak sama,” katanya.

Ujar beliau, melalui perkembangan yang berlaku, setakat ini ia tidak mempengaruhi pelaburan luar ke dalam negara kerana ia boleh meningkat atau mengurang atas pelbagai sebab dan bukannya hanya keretakan hubungan diplomatik semata-mata.

Terdahulu, Mohamed Nazri menjelaskan beliau dipanggil pihak Jabatan Negara Amerika Syarikat untuk menyatakan rasa tidak senang mereka terhadap kenyataan-kenyataan Perdana Menteri yang mengecam Israel dan melabelkan rejim Zionis itu sebagai pengganas dan meminta agar Malaysia membuat kenyataan turut bersimpati terhadap Israel.

Dalam pada itu, penganalisis keselamatan dan politik Pusat Pengajian Perang Saraf Media (CMIWS) Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Dr Noor Nirwandy Mat Noordin** berkata tiga notis tata tindak diterima Malaysia daripada Amerika Syarikat (AS) membuktikan keberadaan suara rakyat dan kerajaan negara ini dalam mempertahankan hak asasi warga Palestin mendapat perhatian kuasa besar dunia.

Tambah Noor Nirwandy, perkara itu dijangka berlaku dan dianggap tekanan diplomasi kerana tindakan

Perdana Menteri terhadap konflik yang berlaku ke atas kedua-dua negara itu.

“Sebagai satu negara kuasa besar yang menyokong rejim Zionis, sudah pastinya AS mahu negara-negara yang mempunyai hubungan dengan mereka mahu bersama menyokong.

“Namun, sepatutnya AS menghormati pendirian negara kita yang menyokong perjuangan Hamas, setiap negara mempunyai pandangan yang berbeza, dan mereka (AS) harus bersikap diplomasi berhubung isu kemanusiaan ini,” katanya.

Ketika ditanya apakah akan merenggangkan hubungan diplomatik bersama AS atau negara-negara lain, jawab beliau, sudah semestinya akan tercalar sedikit, namun, perhubungan dua hala yang telah lama dibina haruslah dihormati kesemua negara.

“Sudah semestinya perkara sebegini akan sedikit merencatkan hubungan dengan terutamanya negara AS, namun, jangan gusar, mereka juga harus menghormati perhubungan yang sudah terjalin sejak sekian lama ini, mereka harus bersikap diplomasi dalam perkara ini.

“Banyak pemimpin-pemimpin dunia bersuara lantang dalam menyuarakan pandangan mereka serta menyatakan sokongan, namun, secara konklusinya kita perlu mengeneipkan soal politik dan terapkan fikiran wajar dalam soal hak kemanusiaan serta keadilan,” ujarnya. **WK**



NIZAMUDDIN



NIRWANDY

Spekulasi harga ayam bakal naik, kerajaan jamin tetap munasabah

ISU hangat yang tular di media sosial serta menjadi bualan ketika ini, tidak lain tidak bukan sudah tentu isu subsidi harga ayam yang telah ditamatkan bermula 1 November 2023.

Ramai yang memberi komen tidak senang dengan keputusan kerajaan menarik subsidi tersebut. Malah, tidak kurang juga yang menuduh kerajaan seolah-olah tidak lagi prihatin dan menyusahkan rakyat.

Biasalah, kadang-kadang mereka ini terlalu emosi dan bercakap tanpa memikirkan kenapa perkara tersebut diputuskan. Sudah tentulah ada yang terbaik di sebaliknya iya tak?

Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, kerajaan bertindak sedemikian sudah tentulah untuk kebaikan seluruh rakyat.

“Rasional untuk penamatan subsidi secara pukal bagi ayam ini adalah untuk mengurangkan ketirisan subsidi yang turut dinikmati oleh warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

“Dalam masa yang sama, kerajaan akan memastikan dan memberi jaminan harga ayam dijual dengan harga yang munasabah. Kerajaan meluaskan akses kepada bekalan ayam melalui Jualan Agro MADANI dan Jualan Rahmah secara berterusan di seluruh negara.

“Ia bagi memberikan pilihan dan jaminan kepada rakyat untuk mendapatkan bekalan ayam pada harga yang berpatutan dan di bawah harga siling semasa,” ujar beliau baru-baru ini.

Di samping itu, melalui sesi libat



AKSES kepada bekalan ayam diperluaskan melalui Jualan Agro Madani dan Jualan Rahmah.

urus bersama pemain industri pada 22 Oktober 2023, kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada pihak industri supaya harga ayam di ladang yang dikeluarkan tidak mencatatkan kenaikan yang ketara sehingga membebaskan pengguna.

Malah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi memastikan tiada aktiviti pengambilan untung secara berlebihan dan manipulasi harga oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab di peringkat

runcit.

“Kerajaan akan terus memberi penumpuan untuk memperkasa industri penternakan ayam melalui bantuan insentif dari segi pembiayaan dana pusingan kepada penternak bersaiz kecil dan sederhana dan skim mikro kredit sebagai bantuan modal pusingan kepada penternak komuniti serta program transformasi reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup.

“Langkah ini akan memberi peningkatan dari segi akses bekalan secara terus daripada penternak komuniti kepada pemborong di pasaran,” kata beliau.

Biarpun telah menarik subsidi namun pihak kerajaan bukanlah kejam untuk melihat rakyat menderita. Malah, sudah ada jaminan bahawa harga ayam munasabah. Kita perlu tunggu dan lihat, setiap apa yang dilaksanakan pastinya ada sebab yang tersendiri.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2024 mengumumkan kerajaan menimbang untuk mengapungkan harga telur dan ayam selepas mendapati trend semasa menunjukkan bekalan kedua-dua sumber makanan itu kini stabil. **WK**

Unsur ekstremisme dalam Minggu Solidariti Palestin di sekolah? Ini jawapan KPM

KECOH dalam media sosial apabila beberapa pemimpin dalam kerajaan mendakwa terdapat unsur ekstremisme dalam Minggu Solidariti Palestin di sebuah sekolah.

Maka berduyun-duyunlah komen yang menghentam tindakan pemimpin ini yang berkata lakonan semula pelajar berkisar situasi peperangan di Palestin mengajar tentang ekstremisme kerana penggunaan replika senjata dan sebagainya.

Malah, ada juga yang meninggalkan komen keterlaluan menuduh jika melibatkan agama Islam, semuanya tidak dibenarkan sebaliknya jika agama lain, ia dibolehkan pula.

Enggan membiarkan isu ini terus menjadi pertikaian, maka Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek tampil berkata teguran beberapa pemimpin kerajaan itu adalah untuk kebaikan dan masih dalam siasatan.

“Ia masih dalam siasatan. Kita masih tunggu laporan daripada pihak jabatan untuk memastikan (dakwaan) tetapi saya sudah arahan

dan mesti ada laporan, mestilah menyeluruh sebelum kita ambil apa-apa tindakan,” katanya.

Mengulas lanjut, Fadhlina berkata, Minggu Solidariti Palestin di sekolah dibuat dalam tempoh yang terhad iaitu dari 29 Oktober hingga 3 November sahaja.

Jelasnya, program sedemikian adalah digalakkan kerana ia penting untuk menanamkan nilai-nilai positif dalam kalangan pelajar.

Bagaimanapun, pihaknya meminta semua pihak di bawah institusi pendidikan agar memberi perhatian penuh kepada garis panduan yang dikeluarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

“Kita tidak kompromi unsur-unsur radikalisme, ekstremisme, keganasan dan replika senjata tidak dibenarkan sama sekali di kawasan sekolah.

“Jadi kita minta semua pihak khususnya yang di bawah institusi untuk berikan perhatian penuh kepada garis panduan yang telah kita keluarkan,” katanya lagi.

Terdahulu, tular rakaman video

di media sosial mengenai program di sebuah sekolah yang memaparkan unsur ekstremisme bagi menyatakan sokongan kepada rakyat Palestin.

Namun, KPM mengesahkan

video berkenaan dianjurkan di luar tempoh waktu pelaksanaan Minggu Solidariti Palestin dan tidak mengikuti panduan yang ditetapkan pihak KPM. **WK**



MENARIK DI WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

3-5/11/23: Inspitari 2023 @ MaTiC KL

4-5/11/23: INSPITARI @ MaTiC KL

10-31/12/23: Plant Success Story across climates @ Aquaria KLCC

10-31/12/23: Plant Success Stories @ Shark Parade, Aquaria KLCC

PUTRAJAYA



4/11/23: PUMA Night Run 2023 @ Dataran Putrajaya

4-5/11/23: Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan @ Dataran Putrajaya

18/11/23: Putrajaya 10 Miles 2023 @ Jambatan Saujana

18-20/11/23: Karnival Minggu Sains Negara & Malaysia Techlympics Peringkat Akhir Kebangsaan @ PPJ & Taman Pancarona

18/11/23: Singgah Seni 5 @ Dataran Putrajaya

19/11/23: PERKESO Run & Ride 2023 @ Dataran Wawasan

LABUAN



3-5/11/23: Labuan International Bike Week 2023 @ Medan Selera Labuan

4/11/23: Hari Terbuka @ Taman Burung Labuan

4/11/23: Pertandingan karaoke @ Taman Burung Labuan

4/11/23: Pertandingan Eksplorasi Bahasa @ Ujana Kewangan

9/12/23: Labuan Superhero 2023 Fun Run @ Padang Dataran Labuan

2/10-31/12/23: Pembaharuan lesen perniagaan 2024 @ Wisma Perbadanan Labuan

Persidangan Pasca-HAWANA 2023

Platform diskusi kelangsungan industri media tempatan

AZLAN ZAMBRY

BERDEPAN dengan persaingan di dalam era langit terbuka pastinya menguji keupayaan dan relevan sesebuah agensi media dalam negara tatkala berdepan dengan tekanan serta cabaran terbesar dalam mengekalkan perniagaan.

Pada masa sama, sistem demokrasi yang menjadi tiang seri untuk pentadbiran negara serta komuniti yang terbuka memerlukan media yang kuat, berkredibiliti serta berani seiring dengan pembangunan negara.

Pasti setiap agensi media berdepan dilema untuk terus bertahan tatkala dibadai dunia tanpa sempadan serta penggunaan peranti yang akhirnya meminggirkan media konvensional seperti yang kita saksikan dekad ini.

Perencanaan untuk memperkasa masa depan wartawan dan industri media ke arah mampan perlu dilakukan dengan teliti bagi meningkatkan lagi wibawa mereka dalam masyarakat namun mereka turut terperangkap dengan masalah perniagaan yang semakin membimbangkan.

Dari satu sudut, kematangan pembaca yang hanya bergantung kepada tajuk utama tanpa membaca keseluruhan berita turut memberi kesan kepada agensi di mana kredibiliti mereka turut dipersoalkan sebagai organisasi yang bebas dan berkredibiliti.

Lambakan portal berita yang menyajikan berita sensasi dan mengandungi maklumat palsu turut mengundang gelora dalam industri media yang sekali gus menyempitkan ruang untuk industri media bergerak dengan bebas.

EKOSISTEM MEDIA YANG BERTENAGA

PERANAN media kini diakui amat mencabar. Di sebalik penyusutan perniagaan dan penekanan keperluan terhadap media dalam arus pembangunan negara juga mestilah seiring disamping melibatkan pihak berkepentingan termasuk kerajaan.

Dalam memastikan industri media kekal bertenaga, segar dan berkredibiliti seperti amalan negara-negara maju yang menganjurkan kebebasan media, peranan pihak berkepentingan diperlukan dan ia perlu dijadikan sebagai kompas untuk membangunkan ekosistem media yang dapat memberi manfaat kepada semua.



PENUBUHAN Majlis Media Malaysia yang tertangguh sejak sekian lama dapat memberikan sinar untuk kelangsungan industri media sekali gus memastikan masyarakat dan kerajaan memperoleh akses terhadap media yang berkredibiliti.

Namun sudah pasti industri ini berdepan cabaran dalam mereka bentuk ekosistem industri media yang berkesan demi kemajuan masyarakat dan pada masa sama memperkasakan masa depan wartawan ke arah mampan.

Maka ia merupakan tugas yang sukar dalam membangunkan industri media yang boleh melindungi orang ramai dan perlu dihadapi dengan kebijaksanaan serta pragmatisme.

Seiring dengan kepesatan pembangunan negara, agensi media juga perlu berkembang di celah-celah kawalan kerajaan dan kawal selia sendiri demi memastikan kumpulan ini terus relevan dalam meneruskan perkhidmatannya kepada rakyat dan negara.

Menyadari cabaran yang melingkari industri media dekad ini, National Press Club (NPC) Malaysia mengambil inisiatif menganjurkan persidangan pasca Hari Wartawan Negara (HAWANA) 2023 bertajuk Malaysia Quest For A Sustainable Media

Landscape.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengasas Bersama, Big Boom Media Sdn Bhd dan pengasas portal atas talian *The Scoop*, **Datuk Zainul Arifin Mohammed Isa**, cabaran utama industri media masa ini adalah apabila orang ramai tidak lagi gemar membaca disebabkan

terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada masalah tersebut.

Katanya, penggunaan peranti pintar mudah alih serta penularan sumber berita yang lebih pantas berbanding surat khabar menyebabkan peralihan daripada konvensional kepada media baharu yang amat ketara menjadikan ia tidak relevan pada ketika ini.

"Persoalannya, bagaimana untuk menjadikan diri kita relevan dan bagaimana penggubal dasar menjadikan mereka relevan dengan khalayak yang tidak lagi membaca yang menyebabkan kami perlu meneroka media baharu.

"Maka inilah cabarannya kerana kami juga cuba menjawab mengenai perniagaan dan keupayaan mengekalkan kedudukan dalam industri media.

"Cabaran terbesar bagi media ialah perniagaan demi memastikan kita mempunyai persekitaran media yang bertenaga supaya rakyat dan demokrasi dapat berkhidmat dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian semasa persidangan di Pusat Kecemerlangan MCMC dekat Cyberjaya baru-baru ini yang turut dihadiri Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, Teo Nie Ching; Presiden NPC Malaysia, Datuk Ahiruddin Atan; Duta Besar Perancis, Axel Cruau dan Duta Besar

Norway, Morten Paulsen.

Bagi Kolumnis/Wartawan, *The Mole*, dan Ahli Jawatankuasa NPC, **Abdul Rahmat Omar**, beliau yang berkongsi pandangan dengan Zainul Arifin menjelaskan

bahawa cabaran terbesar media kini adalah perlu berkongsi kek yang sama dan ia semakin mengecil selain ramai pemain industri yang masih memenuhi lapangan.

Jelas beliau, tekanan terhadap industri ini boleh dirasai oleh syarikat dan agensi media namun pada masa sama prinsip kewartawanan mesti dikekalkan dengan melaksanakan kawalan sendiri yang boleh mengurangkan campur tangan daripada kerajaan.

Untuk mengatasi perkara ini, media perlu mencari kaedah dalam mewujudkan organisasi yang berkredibiliti di mana orang awam boleh bergantung dengan laporan dan sumber berita yang sahih.

Pengarah Kanan Bahagian Hal Ehwal Pengguna dan Industri (CIAD) MCMC, **Eneng**

Faridah Iskandar berkata sebagai pihak berkepentingan, pihaknya tidak bercakap tentang kerja rangka kawal selia dan untuk membangunkan eko sistem media yang lebih berkesan, penubuhan Majlis Media Malaysia yang sedang dirancang bukanlah bersifat mengikat media dan menafikan kebebasan.

"Pasti setiap agensi media berdepan dilema untuk terus bertahan tatkala dibadai dunia tanpa sempadan serta penggunaan peranti yang akhirnya meminggirkan media konvensional seperti yang kita saksikan dekad ini."

"Penubuhan Majlis Media Malaysia ini tidak perlu meletakkan sekatan jalan tambahan kepada perkara yang kritikal dari suasana yang dihadapi media pada ketika ini. Sebaliknya bagi Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dan juga MCMC, ia adalah mengenai mewujudkan ekosistem.

"Kita bercakap tentang mewujudkan hab global, pembentukan masyarakat sivil serta membangun dan memupuk bakat tempatan dalam sumber maklumat serta membincangkan tahap keyakinan pengguna yang tinggi dan semua ini tidak boleh dicapai melalui peraturan sahaja," katanya.

Jelas beliau, perancangan penubuhan Majlis Media Malaysia adalah membangunkan strategi intervensi yang betul dalam membangunkan ekosistem media yang lebih berkesan untuk kepentingan semua pihak.

Beliau berkata pengaruh media kini dipersoalkan berikutan banyak berita palsu serta akaun palsu yang memenuhi dunia maya menyebabkan keraguan terhadap industri.

"Pada bahagian saya sahaja, kita telah menerima kira-kira 65,000 aduan pada tahun ini dan ia bukan hanya media baharu. Kami turut menerima 350 aduan sehari mengenainya, 2,000 aduan mengenai akaun palsu dan terdapat lebih daripada 1,100 aduan mengenai berita palsu sahaja," katanya.

Tambah Eneng Faridah, MCMC turut melaksanakan tinjauan terhadap trend dan sikap pengguna Internet pada tahun 2020 dan 2022 berkenaan berita palsu dan melalui kajian tersebut, orang ramai memahami perkara itu.

Sementara itu, Nie Ching berkata, Majlis Media Malaysia akan berperanan meneruskan agenda memperkasa media di negara ini termasuk diberikan lebih kebebasan dalam melaksanakan tugas, tertakluk kepada kod tatalaku yang akan diwujudkan badan itu kelak dan fokus KKD adalah untuk mencapai konsensus supaya Rang Undang-Undang (RUU) Majlis Media Malaysia boleh dibentangkan di Parlimen secepat mungkin. **WK**



ZAINUL ARIFIN



ABDUL RAHMAT



ENENG FARIDAH



TEO NIE CHING

Sedia ruang pembelajaran interaktif

Pustaka KL Digital Madani @ Bandar Sri Permaisuri

HAZIRAH HALIM

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merasmikan pembukaan Pustaka KL Digital Madani @ Bandar Sri Permaisuri yang berkonsepkan pusat pembelajaran dan bahan bacaan secara digital, pada Selasa.

Pustaka digital tersebut merupakan projek ketiga di bawah tanggungjawab sosial korporat Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) untuk DBKL melalui perjanjian Deed of Gift yang ditandatangani pada 29 Januari 2013.

Sebelum ini, MRCB membina dua buah perpustakaan hibrid iaitu Pustaka KL@Lembah Pantai pada tahun 2015 dan Pustaka KL@Medan Idaman pada 2017.

Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL, Ismadi Sakirin berkata, ia menyediakan pelbagai kemudahan antaranya ruang kanak-kanak yang dilengkapi dengan smart interactive table, interactive floor projection dan live colouring book.

"Ia juga turut dilengkapi ruang multimedia yang menempatkan Virtual Reality (VR) serta permainan Playstation 5 (PS5) bagi menggalakkan kunjungan orang ramai khususnya dalam kalangan remaja.

"Selain itu, di ruang dewasa pula, perpustakaan ini menyediakan 28 unit komputer meja termasuk empat unit iMac dan 10 unit iPad serta notebook selain kiosk paparan elektronik dan panel interaktif.

"Dalam masa yang sama, ia juga turut menyokong pembelajaran secara interaktif dan buku-buku, majalah serta akhbar dalam bentuk elektronik termasuklah



WAN AZIZAH beramah mesra bersama pelajar yang sedang mengikuti pembelajaran secara interaktif dalam talian di Pustaka KL Digital Madani @ Bandar Sri Permaisuri pada Selasa.

perkhidmatan dalam talian seperti Buffet@PKL, KLeLIB dan koleksi gambar digital Pustaka KL (PKL)," kata beliau ketika berucap pada Majlis Perasmian Pustaka KL Digital Madani @ Bandar Sri Permaisuri.

Menurut Ismadi, PKL juga merupakan salah satu konsortium dalam projek U-Pustaka yang bekerjasama dengan Perpustakaan Negara Malaysia dengan membekalkan 4,476 buku elektronik melalui OverDrive serta perkhidmatan Pangkalan Data U-Pustaka yang menyediakan lebih 36 pangkalan data.

"Kita juga turut menyediakan

aplikasi MyGuru iaitu sebuah aplikasi yang menyediakan nota-nota pembelajaran mengikut sukatan pelajaran terkini dan bank soalan peperiksaan bagi memudahkan para pelajar meningkatkan kefahaman dan ilmu terhadap mata pelajaran.

"Pihak MRCB juga telah berbesar hati menaja beberapa aplikasi berkonsepkan educational games dengan kos sebanyak RM 30,000 bagi menambah koleksi digital di perpustakaan ini," ujarnya yang berharap kemudahan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga kota khususnya komuniti di kawasan Bandar Tun Razak.

Terdahulu, majlis perasmian disempurnakan oleh Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan turut dihadiri Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin serta Ahli-Ahli Lembaga Penasihat DBKL.

Untuk rekod, Pustaka KL Digital Madani @ Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur dibuka kepada orang ramai pada 17 Oktober lalu di mana seramai 260 orang telah menjadi ahli perpustakaan dan sepanjang tempoh tersebut, lebih 1,000 orang mengunjunginya. **WK**

ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.

Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial Wilayahku.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sugu hati dan berpeluang menjadi Wartawan Komuniti (WK) Wilayahku.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



CERITA KEDAI KOPI

Solidariti bersama Palestin

SUDAH terlalu lama Palestin menderita. Rakyatnya hidup dalam keadaan tidak menentu dan tidak aman lantaran ancaman berterusan daripada pihak zionis Israel.

Banyak harta benda termasuk kediaman musnah akibat nafsu serakah Israel yang tidak mengenal belas kasihan sehingga kehidupan rakyat porak poranda. Saban hari rakyat Palestin menjalani kehidupan dalam bimbang, entah sempat melihat hari esok entah tidak.

Banyak negara, termasuk Malaysia, bersimpati dengan nasib Palestin dan rakyatnya. Ini dipamerkan melalui tunjuk perasaan mengutuk perbuatan rejim zionis, atau melalui perhimpunan solidariti yang melaungkan sokongan kepada Palestin menuntut kekejaman ke atas rakyat negara itu dihentikan.

Tetapi banyak pula yang hanya memerhatikan tanpa berbuat apa-apa, termasuk negara kuasa besar. Kerana itu negara-negara ini sudah tidak

boleh diharap untuk menyelesaikan konflik Palestin. Mereka nyata menyokong Israel seperti tidak mahu konflik Palestin diselesaikan.

Namun Malaysia tetap bersama Palestin dan tidak gentar dengan ancaman daripada pihak Eropah kerana menyokong perjuangan Palestin. Ini ditegaskan sendiri oleh perdana menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kawan-kawan Kedai Kopi bangga dan terharu dengan sokongan rakyat Malaysia, para pemimpin dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan sukarela yang terus menerus bertali arus memberi sokongan kepada rakyat Palestin.

Memang wajar sokongan ini kerana sudah berdekad-dekad Palestin diancam oleh Israel dan rakyatnya menderita. Keberanian Malaysia bersuara lantang di pentas antarabangsa menyerlahkan ia serius mahu isu Palestin diselesaikan segera.

Sukar dibayangkan bagaimana rakyat Palestin hidup setiap hari di sebalik keganasan tentera Israel yang seperti sengaja mencari alasan untuk menyerang dan memusnahkan negara itu. Sesungguhnya, berapa berat mata memandang berat lagi bahu memikul.

Israel sombong dan berani kerana ada kuasa

besar di belakangnya yang memberi restu terhadap keganasan dilakukan. Alasannya Israel berhak mempertahankan diri. Adakah Palestin tidak ada hak mempertahankan diri?

Jika pihak Palestin melancarkan serangan ia dianggap tindakan keganasan. Tetapi jika Israel menyerang, itu untuk mempertahankan diri. Sangat tidak adil perlakuan ini tetapi itulah juga pegangan negara-negara yang menyokong Israel.

Sedikit serangan oleh Palestin dibalas dengan serangan berskala besar sehingga mendatangkan kebinasaan teruk, kediaman rosak binasa dan kehidupan rakyat huru hara. Israel seolah-olah menunggu sahaja Palestin menyerang kerana itu adalah peluang untuk membalas balik dengan lebih dahsyat.

Kekejaman ini diperhatikan sahaja oleh kuasa besar. Mereka berpeluk tubuh dan memejamkan mata. Jika tiada restu dan sokongan kuasa besar ini Israel mungkin tidak berani sombong dan melakukan keganasan secara bersendirian.

Oleh itu bagi kawan-kawan Kedai Kopi tidak ada apa harapan yang boleh diletak di bahu kuasa besar. Mereka hanya berpura-pura dalam isu ini. Sekadar manis di bibir. Tindak tanduk mereka bagai telunjuk lurus kelingking berkait.

Jika ada resolusi di Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (PBB) yang menjurus kepada mengecam Israel dan menyokong Palestin, ia akan digagalkan dengan kuasa veto negara besar yang memang penyokong kuat Israel. Kerana itu usah diharap kepada kuasa besar.

Sehubungan itu kawan-kawan Kedai Kopi menyanjung sikap negara-negara lain yang bersimpati dan menyokong Palestin. Ini termasuk Malaysia yang sejak dahulu memberi sokongan kuat kepada Palestin tanpa berbelah bahagi.

Walau pun Malaysia negara kecil, suara yang dibawa sekurang-kurangnya menunjukkan kepada dunia bahawa negara ini bersimpati serta berdiri bersama-sama rakyat Palestin dalam perjuangan mereka. Penderitaan mereka sama-sama dirasakan.

Pendirian ini tidak berubah, malah semakin kukuh. Mungkin Malaysia tidak mampu memberi bantuan ketenteraan, tetapi dalam bentuk lain seperti makanan, perubatan dan kewangan tetap dihulur. Juga tidak kurang penting ialah iringan doa.

Sudah terlalu lama rakyat Palestin menderita. Sinar bahagia masih terlalu samar-samar. Marilah sama-sama berdoa semoga lambat laun, dengan izin Allah, mereka akan beroleh kemenangan dan menjalani kehidupan lebih bahagia. Mereka sangat merindui detik ini.

Fenomena 'home theatre' sudah berlalu



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

LEBIH 20 tahun dahulu fenomena 'home theatre' atau panggung di rumah melanda negara ini. Bukan sahaja dalam kalangan masyarakat elit atau dari gelembung mewah, malah kepada yang lebih rendah. Ketika itu belum ada pengkelasan seperti B40, tetapi yang setara dengan golongan itu pun terikut dengan fenomena panggung di rumah.

Kuala Lumpur adalah ibu kota yang menjadi pencetus gaya hidup. Kemudian gaya hidup itu merebak hingga ke seluruh negara sekalipun dunia maya tidak begitu menguasai seperti hari ini. Seolah-olah kalau bertamu ke rumah orang, perkara pertama yang hendak dilihat adalah panggung di rumahnya.

Banyak juga yang bertanya saya jenama 'home theatre' yang digunakan dan saya menjawab, "Tidak ada. Saya tidak mampu memiliki home theatre. Bilik pun tidak cukup untuk anak-anak."

Panggung di rumah memerlukan bilik yang khusus dan dilengkapi penyerap bunyi seperti di studio rakaman. Sekalipun begitu banyak juga yang mengorbankan keselesaan keluarga dengan mengambil satu bilik untuk dijadikan panggung wayang. Bilik itu tidak sesuai digunakan untuk tujuan lain. Malah kekuatan tenaga bunyi daripada pembesar suara membuatkan gegaran pada bilik yang bersebelahan.

Itulah cara berhibur yang paling terkini pada tahun-tahun terakhir abad ke-20. Panggung di rumah menjadi satu tanda status dan kedudukan dalam masyarakat kerana memiliki peralatan hiburan terkini. Biarpun menelan belanja yang besar, kerana hiburan ada orang sanggup mengikat perut dan mengambil ruang keselesaan keluarga.

Ada yang menganggap fenomena panggung di rumah akan menjejaskan sambutan terhadap pawagam. Bagaimanapun saya tidak percaya fenomena sedemikian bertahan lama – ia berubah apabila teknologi yang lain pula mengambil tempat.

Itulah kitaran teknologi yang singgah seketika kemudian hilang apabila muncul teknologi lain yang lebih hebat. Misalnya 50 tahun lalu piring hitam menjadi alat hiburan yang tercanggih pada zamannya. Bagaimanapun piring hitam



CONTOH home theatre yang diidamkan pengguna. - Gambar hiasan

dianggap telah ketinggalan zaman apabila pita katrij diperkenalkan.

Sama seperti piring hitam, katrij juga akhirnya ditinggalkan apabila teknologi menampilkan penemuan baharu, pita kaset. Tentunya yang menjadi perbandingan antara kedua-duanya ialah keselesaan dan mutu teknologinya.

Kemudian pita kaset atau pita video sudah ketinggalan apabila teknologi membawa cakera padat (CD) dan cakera video digital (DVD). Maka tidak hairanlah kalau ketika itu banyak yang sanggup memperuntukkan banyak wang untuk membawa teknologi audio dan visual itu ke rumah.

Teknologi telah mengubah gaya dan selera masyarakat menikmati hiburan. Perubahan yang memberi keutamaan kepada hal-hal yang berkaitan dengan hiburan pula mempunyai kaitan kestabilan ekonomi. Bagaimanapun banyak juga yang terperangkap dalam ketidakcukupan belanja sanggup membawa panggung ke rumahnya.

Tentulah ketika gelembung ekonomi mengembang sebelum kemelesetan terbesar pada 1997 dan 1998, banyak yang memperuntukkan belanja untuk hal-hal yang bercorak hiburan. Warga Kuala Lumpur agak ketara dirasuk oleh gaya hidup berseronok antaranya membawa panggung ke rumah.

Revolusi gaya berhibur di rumah

diterajui oleh dua penemuan teknologi; *high definition TV* (HDTV) dan pembesar suara yang mempunyai sistem bunyi sekeliling atau *surround sound system* yang memberikan bunyi tiga dimensi. Maka audio dan visualnya menjadi sangat realistik seolah-olah kita berada dalam filem yang ditonton.

Pengagum panggung di rumah bukan peminat filem. Mereka hanya mementingkan filem yang ada ciri-ciri audio dan visual yang berteknologi tinggi. Banyak filem yang bermutu tidak termasuk dalam senarai yang diminati kerana tidak ada bunyi dan visual yang luar biasa.

Bayangkan harga peralatan sistem audio visual yang ditawarkan sekitar RM4,000 adalah sangat besar pada zamannya. Akan tetapi banyak yang sanggup membeli kerana ketajaman bunyi yang luar biasa, kata mereka. Bunyi letupan dalam filem *Volcano* atau deruan kapal angkasa dalam *Star Wars* lebih menggagalkan dengan teknologi pembesar suara *surround sound system*.

Ini dibantu dengan teknologi yang menghasilkan DVD yang mempunyai keupayaan tujuh kali lebih baik daripada CD biasa. Ini sebenarnya bukan hanya selera hiburan kelas atas tetapi menjadi milik semua orang termasuk mereka yang sebenarnya tidak mampu.

Bagi yang lebih berkemampuan, mereka menyediakan bilik khas

yang dekorasinya sama seperti sebuah cinepleks. Ini adalah antara cabaran berada dalam dunia teknologi dan selera ditentukan oleh populariti. Malah tidak menganjak laras pemikiran ke tahap lebih tinggi kerana terpesona dengan hal-hal yang menjurus hiburan semata-mata.

Kata sesetengah peminat filem aksi, kesan *thriller* dalam filem *Independence Day* yang popular ketika itu hilang apabila menonton video di rumah. Sebab itulah panggung di rumah itu seperti membawa panggung masuk ke rumah. Filem hanya diukur sejauh mana kecanggihannya bunyi dan gambarnya.

Perubahan dalam teknologi ini terlalu drastik. Ia semacam sentiasa menampilkan yang terkini sekali gus menjanjikan ciri yang mempesonakan. Kilang filem di Hollywood pula berlumba-lumba menghasilkan filem-filem yang memenuhi tuntutan teknologi audio dan visual.

Kempen 'Inflasi Sifar' ketika itu nampaknya hanya meneruskan tradisi kita yang paling banyak berkempen. Seolah-olah semua masalah terlerai dengan kempen yang menelan belanja besar tetapi tidak memberikan hasil. Misalnya panggung di rumah menjadi satu keperluan sekalipun ia tidak perlu.

Demikianlah satu gaya hidup dan teknologi pada satu zaman

yang lampau. Sebenarnya tidak banyak memberikan kebaikan kecuali merangsang konsumerisme dan berlumba-lumba supaya kelihatan berada di atas garis yang sama dengan orang lain. Jangan terperangkap dengan teknologi yang mempesona, tetapi kurang faedah dan mengambil masa kita untuk menikmati kehidupan.



**BUANA PALESTIN
MELEDAK LAGI**

*Air mata tumpah
darah merah mencik
daging dan tulang berkecai
bumi Palestin
diratah bedil bertali arus*

*Langit meledak debu
berderap runtuh bangunan roboh
bergelempang syahid
nyawa tidak berdosa*

*Taufan al-aqsa
setiap inci tanah ini
qiblat pertama kota suci
harus dipertahankan*

Takbir..!

**HAJAR'UL ASWAD
Kinrana.**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA
DAN INFORMASI TERKINI!



Bantu pelajari subjek secara interaktif

50 Aplikasi *Pandai Premium* disumbang ke PREPKOM, YWP

HAZIRAH HALIM

BAGI meningkatkan kualiti pembelajaran khususnya kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menyumbang 50 Aplikasi *Pandai Premium* kepada Pusat Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) di sekitar Kuala Lumpur.

Menerusi program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Sesama Mara telah melancarkan inisiatif 'Memperkasakan Pembelajaran Dalam Talian' untuk membantu khususnya golongan pelajar dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40) bagi mendapatkan akses pendidikan digital untuk menghadapi peperiksaan SPM.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, **Ir Abas Abdullah** berkata aplikasi ini merupakan salah satu langkah penting dalam membantu



ABAS (dua dari kanan) bersama Ida Harlina (kanan) dan Khairul Anwar (dua dari kiri) ketika sesi penyerahan Aplikasi Pandai Premium di Dewan Auditorium Tun Mohamed Suffian, UM.

memperkasakan pembelajaran dalam talian.

"Kami berharap mereka mendapat manfaat daripada program ini di samping meningkatkan pencapaian akademik sekali gus berjaya dan

cemerlang dalam SPM," ujar beliau kepada *Wilayahku* selepas menyampaikan serahan sumbangan aplikasi dalam talian di Dewan Auditorium Tun Mohamed Suffian, Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya (UM), baru-baru ini.

Dalam majlis yang sama, Air Selangor menyampaikan 175 langganan *Pandai Premium* kepada 70 anak warga kerja Air Selangor, 50 pelajar SPM di bawah PREPKOM YWP dan 55 pelajar di Kampung Batu 3, Semenyih.

Turut hadir Timbalan Pengurus Besar, Jabatan Pembangunan Komuniti, Komunikasi Strategik dan IT YWP, Datin Ida Harlina Ikhwan Nasir.

Sementara itu, Pegawai Eksekutif Pandai Education Berhad, Khairul Anwar Mohamad Zaki, berkata melalui teknologi aplikasi tersebut '*Pandai Learning*' yang direka khas bagi membantu pelajar meningkatkan prestasi mereka melalui pelbagai alat pembelajaran yang interaktif, mampan dan lestari.

"*Pandai Premium* merupakan pelan langganan lengkap yang membolehkan semua soalan latihan, ujian, bantuan secara *one to one*, tuisyen *online* dalam semua subjek dan contoh soalan peperiksaan untuk ulang kaji pada bila-bila masa.

Info

ADUAN

DBKL

Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8887 7000

Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600

Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL

03-2274 9333

Jabatan Agama Islam

Putrajaya

03-8884 2600

Jabatan Agama Islam

Labuan

087-415 311

Wilayahku

WhatsApp

: 011-5958 7489

Ia diperkenalkan pada awal bulan Januari 2020 dan telah membantu seramai 611,318 pelajar melakukan sebanyak 231,270,127 latihan, ujian dan peperiksaan.

Inisiatif ini turut mendapat sokongan oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Perbadanan Kota Buku serta National Stem Association. **WK**

Berhibur sambil beramal bersama artis, ratu cantik dan anak sindrom down

DIANA AMIR

ORANG ramai dijemput hadir bagi memeriahkan Program An Evening of Truly Malaysia Festival Charity Gala Dinner Fashion Runway yang akan diadakan pada 4 November 2023 di Dewan Wawasan, Menara PGRM, Kuala Lumpur.

Program anjuran Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Sindrom Down (PPDKSD) dengan kerjasama Projek Extra Chromosome Extra Awesome Festival (ECEAF) tersebut bakal menampilkan 49 finalis anak sindrom down terpilih bagi memperagakan koleksi kasut dan busana pereka terkenal Malaysia bersama 21 orang ratu cantik.

Pengurus Projek Extra Chromosome Extra Awesome Festival (ECEAF), **Hafida Hafiz** berkata antara jenama terkenal yang akan diperagakan adalah Nottinghams, Nana Bridal Kuala Lumpur, Collar KL, Adore kids, Anak Jantan Kuala Lumpur, Rahsia dan KHATAM.

"Selain itu, tetamu akan dihiburkan dengan persembahan artis popular antaranya Ayu Damit, Zahid AF2, Jessie Loo, Alif Kadim dan

violin artis" ujarinya kemuncak majlis adalah Program Auction untuk setiap rekaan kasut dan fesyen di mana hasil jualan akan disumbangkan sepenuhnya ke akaun ECEAF.

Hafida berkata sehingga kini, proses penjualan meja masih berjalan dan mereka yang berminat boleh menghubungi pihaknya bagi proses pembelian.

"Harga meja bermula serendah RM50 bagi *upper gallery seat* seperti *theatre style*. Selain itu, kita juga mempunyai *bronze* satu dan *bronze* dua dengan harga masing-masing RM3,000 dan RM1,500.

"Bagi *silver* pula berharga RM5,000 sementara *gold* RM10,000 (*gold*)," jelasnya orang ramai juga boleh membuat pembelian secara *loose seat* mengikut kemampuan masing-masing.

Berkongsi mengenai objektif penganjuran program, Hafida berkata ia bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap individu yang dilahirkan dengan sindrom down.

"Jika masyarakat tidak mengenali organisasi-organisasi yang menguruskan golongan ini tentunya tidak ramai yang menyedari akan keperluan mereka.

Selain, ia juga membantu menyokong kos pengoperasian pertubuhan secara berterusan menerusi program yang dirancang secara berkala melalui kerjasama pertubuhan, agensi kerajaan, yayasan dan syarikat korporat.

"Secara tidak langsung, ia dapat menambah baik pembangunan pendidikan pelatih sindrom down dengan penyediaan peralatan pengajaran dan pembelajaran elektronik seperti komputer, projektor dan sebagainya.

"Dalam masa yang sama, program ini juga bertujuan untuk mengenali serta mencungkil bakat terpendam anak-anak sindrom down yang mempunyai potensi tersendiri dan perlu didedahkan dengan cara betul kerana mereka berada dalam spektrum serta mengalami dunia secara berbeza," ujarinya mengalu-alukan semua pihak bersama-sama meraikan kepelbagaian yang menjadikan Malaysia benar-benar hebat.

Untuk maklumat lanjut, boleh menghubungi talian 019-669 6494 atau eeceafestival@gmail.com atau pdksindromdown@gmail.com atau Sekretariat ECEAF, Asma' (019-476 5109). **WK**

Lebih 2,000 hadir Jelajah Genta Belia 2023

LEBIH 2,000 pengunjung hadir memeriahkan Program Jelajah Genta Belia Bukit Bintang 2023 yang diadakan pada 28 dan 29 Oktober lalu bertempat di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Kuala Lumpur.

Program anjuran Pejabat Belia dan Sukan Kawasan Bukit Bintang dengan kerjasama Persatuan Sukarelawan Muda Wilayah Persekutuan (YOU4WP) itu memberi pendedahan kepada golongan belia berhubung inisiatif pemerkasaan ekonomi yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan.

Sekretariat Media dan Promosi Genta Belia Bukit Bintang 2023, **Syed Mohamad Rafid Syed Ahmad Sharif**, berkata program ini adalah cetusan idea daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk pemerkasaan belia yang inklusif berteraskan model

baharu pembangunan belia melalui penjenamaan ekonomi.

"Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan penglibatan belia dalam aktiviti serta keupayaan dan daya saing dalam kalangan mereka," katanya kepada *Wilayahku*.

Menurut Rafid, melalui program ini, agensi kerajaan dan swasta turut diberi peluang mendedahkan inisiatif mereka kepada golongan belia yang hadir malah mereka juga turut mendapat perkongsian ilmu dan maklumat berhubung keupayaan dan daya saing dalam aktiviti ekonomi.

"Ia meliputi aktiviti jualan daripada vendor-vendor, Youth Coffee Week, Economy GIG Workforce Talk daripada MDEC dan pelbagai lagi," katanya Mini Karnival Temuduga MyFutureJobs, KL Night Zumba Joget Lambak turut diadakan. **WK**



BARISAN ahli YOU4WP yang membantu menjayakan Program Jelajah Genta Belia Bukit Bintang 2023.

WK2

Bil 235 . 3 - 9 NOVEMBER 2023

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Terokai dunia tersembunyi di Wilayah Persekutuan

Foto: SYUQQREE DAIN/WK



Sahut cabaran Road Map Challenge, menangi hadiah menarik

Foto: AMINULLAH FARIZ HASSAN & JWP
HAZIRAH HALIM

SEMPENA ulang tahun penubuhan Wilayah Persekutuan ke-50 tahun, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) mengajak orang ramai untuk meneroka keunikan Wilayah Persekutuan menerusi Program Pasport 50WP.

Program yang berkonsepkan *road map challenge* (cabaran peta jalan) ini mengajak orang ramai untuk meneroka 50 lokasi (*checkpoints*) bersejarah, tersembunyi (*unsung places*) dan memukau (*hidden gems*) di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bermula dari 1 Oktober sehingga 25 Februari 2024.

Menyasarkan penyertaan seramai 50,000 peserta dari seluruh negara dalam lingkungan had umur 18 tahun dan ke atas. Tujuan utamanya adalah untuk meraikan kegemilangan 50 tahun Wilayah Persekutuan sambil menjelajah dan menikmati keindahan, keunikan serta kepelbagaian di Wilayah

Persekutuan sekali gus mempromosikan pelancongan domestik dan memangkin ekonomi di Wilayah Persekutuan.

Di samping itu, ia juga memberi peluang kepada peserta terutama generasi muda untuk mengetahui lebih lanjut tentang tempat-tempat menarik dan tersembunyi di Wilayah Persekutuan, meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap sejarah dan warisan di samping memupuk rasa sayang dan *sense of belonging* dalam kalangan rakyat.

KAEDAH PENYERTAAN

BAGI peserta yang ingin menyertai program ini, mereka perlu mendapatkan Pasport 50WP di lokasi-lokasi *pickuppoint* yang tersenarai di laman media sosial rasmi JWP.

Selepas mendapatkan pasport tersebut, peserta perlu mendaftarkan maklumat diri dalam *Google Form* yang disediakan sebelum memulakan pengembaraan ke mana-mana *checkpoint* dalam senarai.

Setelah tiba di lokasi, peserta perlu mengambil gambar *selfie* dengan di lokasi kemudian perlu mengimbas kod

QR di Pasport 50WP untuk mengakses *checkpoint submission form*.

Selepas mengisi segala butiran tersebut, peserta akan menerima e-mel pengesahan penerimaan dan perlu ditunjukkan kepada pegawai yang menjaga cop di *stamp point* yang perlu diambil oleh peserta untuk melengkapkan Pasport 50WP masing-masing.

Sekiranya peserta berjaya mengumpul kesemua 50 cop di setiap lokasi *checkpoint* sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, mereka berpeluang memenangi hadiah menarik dan istimewa daripada JWP.

Justeru itu, orang ramai digalakkan untuk menyertai dan menyahut cabaran *Road Map Challenge Pasport 50WP* kerana pastinya ia akan memberi keterujaan dan pengalaman menarik kepada peserta terlibat.

Untuk maklumat lanjut, boleh melayari laman sesawang Jabatan Wilayah Persekutuan di www.jwp.gov.my dan laman media sosial rasmi JWP atau hubungi pihak urus setia melalui e-mel di passport50wp@jwp.gov.my dan talian **hotline 010-264 8230/ 010-264 8258 / 010-264 8209.** WK



WARGA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menyambut baik inisiatif pengembaraan Pasport 50WP.

40,000 Pasport 50WP berjaya diedar sehingga November

PENGEMBARAAN Pasport 50WP yang bermula sejak 1 Oktober lalu semakin rancak dan mendebarkan apabila orang ramai berpusu-pusu mendaftar diri sebagai peserta untuk bersama-sama menjelajah dan menerokai keunikan serta kepelbagaian 50 lokasi menarik yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menerusi laporan statistik pada 1 November (Rabu) yang dikongsi oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) kepada *Wilayahku* menunjukkan sebanyak 40,000 Pasport 50WP telah pun diedarkan ke lokasi-lokasi *pickup point* di Wilayah Persekutuan.

Berdasarkan perkongsian hantaran di laman Facebook JWP juga didapati, beberapa peserta telah pun menyelesaikan cop untuk keseluruhan *checkpoint* di Putrajaya.

Malah menerusi hashtag #Pasport50WP peserta turut berkongsi kenangan ketika melaksanakan misi tersebut selain pelbagai promosi dan panduan yang dikongsi oleh warga kerja JWP bagi memudahkan dan melancarkan misi jelajah.

Lebih menarik, peserta turut mengambil peluang untuk meluangkan masa bersama insan tersayang sambil bersiar-siar menikmati keindahan, keunikan lokasi di sekitar Wilayah Persekutuan.

Salah seorang peserta, Hadirah Halim, 22, berkata dia sangat teruja untuk mengikuti program tersebut kerana ada beberapa lokasi yang belum pernah berpeluang untuk dilawati.

Justeru itu, bagi yang belum mengambil bahagian, anda dialu-alukan untuk menyertai Pasport 50WP yang merupakan program julung kali diadakan. **WK**



PASANGAN suami isteri berjaya mendapatkan cop dan melengkapkan misi Pasport 50WP.



Keistimewaan *checkpoint* di sekitar WP

1. DATARAN LABUAN

DIBINA pada 18 April 1995 dengan keluasan lima hektar dan dikenali sebagai tempat penganjuran perarakan, acara penutupan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, pelbagai aktiviti sukan serta Sambutan Tahun Baharu dan Hari Kebangsaan.

2. MUZIUM DAN GALERI SENI BANK NEGARA

PESERTA dapat melihat seni bina bangunan moden yang tersergam indah di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur selain turut menawarkan pengalaman kepada orang ramai yang ingin menelusuri perkembangan mata wang, sejarah ekonomi dan penubuhan Bank Negara Malaysia.

3. RIVER OF LIVE

RIVER Of Live (ROL) yang terletak di pertembungan di antara Sungai Klang dan Sungai Gombak merupakan mercu tanda tarikan pelancongan di Kuala Lumpur. Ia merupakan antara *spot* tercantik yang menonjolkan keunikan kolam biru selain turut

dihiasi dengan keindahan lampu-lampu yang terang dan suasana berkabus pada waktu malam.

4. TANGGA PUTRAJAYA

TANGGA Putrajaya adalah tangga ikonik yang dibina di atas cerun menuju ke Mercu Tanda di Taman Putra Perdana, Putrajaya. Diinspirasi dari beberapa tangga ikonik dunia seperti Spanish Steps di Itali dan Batu Caves, Malaysia, tangga ini dibina dengan ketinggian 30 meter dengan jarak pendakian sejauh 200 meter.

5. ASTAKA MOROCCO PUTRAJAYA

ASTAKA Morocco merupakan astaka seni bina Islam yang terletak di Taman Botani, Putrajaya dan dibina pada tahun 2003. Di dalam Astaka Morocco ini, terdapat binaan replika istana Morocco yang dihasilkan dengan penuh ketelitian dan dindingnya pula dihiasi dengan motif ukiran yang indah termasuklah ayat Al-Quran dan nama Allah. **WK**





Di sebalik nama jalan di Kuala Lumpur



SHUAIB AYOB

"Pergi jalan mana?" Pernahkah terlintas di fikiran dari mana asal nama jalan di ibu negara, Malaysia? Lensa Wilayahku kali ini ingin membawa anda menyelami sejarah nama jalan yang popular di sekitar Kuala Lumpur. Sekadar ingin mengimbau semula, nama Kuala Lumpur bersempena aktiviti perlombongan biji timah iaitu Kuala Lumpur Berlumpur dan diasaskan pada 1857.

Beberapa nama jalan popular yang sering kita lihat di jalan utama antaranya Jalan Sultan Salahuddin, Jalan Sultan Ismail, Jalan Raja Laut, Jalan Raja Chulan, Jalan P. Ramlee, Jalan Palestin, Jalan Tun Hs Lee, Jalan Hang Tuah, Jalan Hang Jebat dan Jalan Tun Sambathan.

Jalan Raja Laut

Jalan Raja Laut diabadikan sempena nama seorang majistret dan penghulu Kuala Lumpur. Raja Muda Laut, Putera kedua Sultan Selangor yang ketiga, DYMM Sultan Muhammad Shah Almarhum Sultan Ibrahim Shah. Baginda digelar Raja Laut kerana dikatakan dilahirkan ketika berada di perairan sekitar Lukut dan baginda tersohor sebagai ketua masyarakat Melayu di Kuala Lumpur sekitar 1880. Baginda juga bertanggungjawab menubuhkan sekolah melayu pertama di Kuala Lumpur di mana anak tunggal baginda, Raja Alang ke sekolah berkenaan. Baginda menggunakan gelaran Raja Muda Laut sehingga tahun 1903. Jalan ini sebelum ini dikenali Jalan Broadrick Road.



Jalan Raja Chulan

Nama jalan ini dimasyhurkan sempena mengenang jasa Raja Chulan, anakanda kedua Almarhum Paduka Seri Sultan Abdullah Muhammad Shah II Habibullah. Pada tahun 1896, Raja Chulan dilantik sebagai Penolong Pegawai Daerah Selama sehingga tahun 1897. Baginda merupakan tokoh yang bertanggungjawab membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu terdiri daripada negeri Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan pada 1 Julai 1896. Pada tahun 1911, Raja Chulan bersara daripada perkhidmatan awam selepas menyandang beberapa jawatan pentadbiran yang agak penting. Baginda memainkan peranan utama dalam perbincangan-perbincangan Majlis untuk kepentingan orang Melayu, dan menyokong cadang-cadang membahagikan semula kuasa pentadbiran yang kemudian dipusatkan di Kuala Lumpur kepada negeri-negeri persekutuan.



Jalan Sultan Ismail

Dahulunya jalan ini dikenali sebagai Treacher Road dan dinamakan semula dengan nama Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Yang Dipertuan Agong Malaysia keempat, baginda juga merupakan Sultan Terengganu. Sultan Ismail memerintah dari 1965 hingga 1970 dan Terengganu 1945 hingga 1979. Baginda ialah raja yang mengisytiharkan darurat untuk membendung keganasan politik yang dashyat pada Mei 1969. Baginda juga terkenal



sebagai seorang raja yang sering menjadi jurugambar sehingga dikenali sebagai 'Raja Fotografi Malaysia'.

Jalan Tun Hs Lee

Jalan Tun Hs Lee dinamakan sempena Menteri Kewangan Malaysia pertama. Berdasarkan ketokohan beliau serta peranan penting dalam menyatukan orang Cina di Tanah Melayu ketika itu, beliau telah dipilih sebagai salah seorang anggota rombongan ke London diketuai Tunku Abdul Rahman bagi rundingan kemerdekaan Tanah Melayu. Ketokohan beliau membuka laluan penting kepada kerjasama politik antara orang Melayu dan Cina yang menjadi asas untuk persiapan ke arah kemerdekaan. Beliau juga perintis penubuhan Malayan Chinese Association (MCA). Jalan ini dahulunya dikenali sebagai Jalan Bandar dan High Street sebelum itu.



Jalan Tun Sambathan

Nama jalan ini diberikan sempena mengenang jasa besar tokoh yang banyak berbakti terhadap kemajuan negara, khususnya untuk rakyat India. Veerasamy Thirunyan Sambanthan atau Tun V.T Sambanthan merupakan bekas Menteri Buruh, Menteri Tenaga Telekom dan Pos (1959) dan jawatan terakhirnya Menteri Perpaduan. Beliau juga anggota rombongan kemerdekaan Tanah Melayu dan terlibat dalam menandatangani perjanjian kemerdekaan. Beliau adalah Presiden kelima kongres India Malaya (MIC).



Jalan P Ramlee

Ramai mengenali Teuku Zakaria Teuku Nyak Puteh ini dengan nama samaran P. Ramlee. Sepanjang kerjayanya, Tan Sri P. Ramlee telah terlibat dalam pelbagai aspek bagi filem-filemnya. Beliau telah mengarang 250 lagu dan menyanyikan hampir 30 daripadanya. Beliau juga terlibat dalam 62 filem sepanjang kerjayanya sebagai pelakon, serta beberapa filem lain selain menerima pelbagai anugerah dan penghargaan bagi hasil kerjanya. Beliau dikurnia Bintang Ahli Mangku Negara (AMN) oleh DYMM Seri Paduka Yang Dipertuan Agong ketiga pada 1962 dan menerima anugerah Bintang Darjah Kebesaran Darjah Panglima Setia Mahkota pada tahun 1990 yang membawa gelaran Tan Sri. Jalan P Ramlee di tengah-tengah pusat bandar dinamakan sempena memperingati nama seniman agung negara yang banyak berjasa dalam bidang seni ini. Pada Julai 1983, Datuk Bandar Kuala Lumpur ketika itu, Dr. Elyas Omar mengumumkan Jalan Parry ditukarkan kepada jalan P. Ramlee dan diwartakan serta -merta.



Jalan Hang Tuah

"Takkan Melayu Hilang di Dunia, selagi berpegang teguh kepada agama Islam". Jalan ini dinamakan sempena pahlawan lagenda Nusantara, zaman kesultanan Melayu Melaka abad ke-15, iaitu Hang Tuah. Hang Tuah ialah Laksamana yang terkenal dengan kesetiiaannya kepada Sultan dan merupakan petarung silat yang amat handal dan tiada tolok bandingnya. Nama ini diberikan oleh Sultan Mansur Shah. Hang Tuah bersama empat orang kawannya, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu. Jalan ini pada asalnya dinamakan sebagai Jalan Gaol, dan seterusnya Jalan Shaw sebelum dinamakan semula sebagai Jalan Hang Tuah.



Jalan Hang Jebat

Raja Adil Disembah, Raja Zalim Disanggah! Menjadi menjadi kata-kata hikmat setiap kali memperkatakan perjuangan menuntut keadilan atau ketika hendak memperkatakan kezaliman raja yang memerintah. Keberanian dan ketegasan Hang Jebat mencari keadilan sehingga sanggup menderhaka kepada Sultan menjadikan beliau disanjung sesetengah golongan sehingga ke zaman ini. Jalan Hang Jebat pada asalnya dikenali sebagai Jalan Davidson. Ia dinamakan sempena James Guthrie Davidson, yang berkhidmat sebagai Residen British pertama Perak pada tahun 1875, dan sebagai Residen British Perak dari 11 April 1876 hingga 31 Mac 1877, berikutan pembunuhan J.W.W. Birch.



Jalan Palestin

Sebagai tanda solidariti kepada perjuangan rakyat Palestin menentang penindasan dan akhirnya membentuk negara Palestin, nama Jalan Raja Laut 1 yang terletak di pusat bandar Kuala Lumpur kini dinamakan sebagai Jalan Palestin. Idea penukaran nama jalan teretus ketika acara Himpunan Hari Al-Quds yang diadakan di Dataran DBKL pada 26 hingga 31 Mei 2019. Langkah itu dapat memperluas lagi hubungan dua hala antara dua negara dan menegaskan sokongan rakyat Malaysia terhadap Palestin. Pengisytiharan nama jalan berkuat kuasa 26 September 2020. Inilah antara sejarah di sebalik nama jalan di Kuala Lumpur yang patut kita semat di dalam ingatan kita bagi memperingati jasa mereka terhadap rakyat dan negara tercinta ini.



Betul ke Syamsul Yusof, Ira Kazar bercerai?



DEEL ANJER

BELUM sampai setahun mendirikan rumah tangga, tiba-tiba muncul khabar angin bertiup kencang tentang perceraian pengarah dan pelakon popular, **Syamsul Yusof** bersama Ira atau nama lengkapnya Faghirah Fatini Kazaruddin.

Apa yang lebih sadis Ira didakwa dicerai suaminya melalui aplikasi *WhatsApp*. Betul ke?

Bukan itu sahaja, sebuah portal melaporkan kononnya anak kepada pelakon, Kazar Saisi itu juga telah dihalau keluar dari rumah mereka.

Dalam pada itu, ibu bapa Syamsul, Datuk Yusof Haslam dan isterinya Datin Patimah Ismail enggan memberikan komen tentang desas-desus perceraian

anaknya bersama isteri, Ira Kazar seperti yang hangat diperkatakan.

"Apa yang berlaku pada masa akan datang, saya tidak tahu. Bagi saya dia (Ira Kazar) adalah isteri tidak berdaftar. Jadi saya tidak mahu komen apa-apa," kata Patimah.

Difahamkan juga, Syamsul juga sudah lama tidak pulang ke rumah untuk berjumpa dengan mereka.

Untuk rekod, Ira sah bergelar isteri kepada Syamsul pada 5 Januari lalu dalam sebuah majlis pernikahan yang berlangsung di Thailand.

Perkara itu disahkan oleh Syamsul menerusi sebuah video yang dimuat naik dalam *Instagram* pada bulan yang sama.

Disebabkan itu, isteri pertama Syamsul, Puteri Sarah nekad memfailkan perceraian sebelum berpisah secara rasmi pada 14 Jun lalu. **WK**



"Saya bangga bawa nama Malaysia" — Aina Abdul

SANGAT membanggakan kita sebagai rakyat Malaysia apabila penyanyi **Aina Abdul** terpilih mewakili negara untuk beraksi di pentas global Festival Muzik ABU TV 2023 anjuran Kesatuan Penyiaran Asia Pasifik (ABU) yang berlangsung di KBS Hall, Seoul, Korea Selatan, baru-baru ini.

Penganjuran festival nyanyian berprestij edisi ke-12 yang dihoskan oleh stesen televisyen nasional Sistem Penyiaran Korea (KBS) itu menyaksikan pembabitan seramai 11 penyanyi tersohor dari 11 negara dalam menjayakan acara penuh gemilang itu.

Aina yang beraksi cemerlang menyanyikan lagu *Terus Hidup* berjaya memukau hampir 2,000 penonton di dalam dewan sekali gus tidak menyangka diberi peluang berharga itu.

"Berpeluang mewakili Malaysia untuk beraksi di pentas antarabangsa adalah satu penghormatan yang cukup istimewa.

"Ia bukan sahaja memberi dimensi positif kepada kerjaya

seni saya, bahkan boleh disifatkan antara salah satu pengalaman terbaik yang pernah saya kecap sebagai penyanyi.

"Seperti yang kita tahu, industri K-Pop mempunyai reputasi global dan digilai oleh peminat seluruh dunia manakala KBS pula adalah antara platform utama yang menjadi lubuk kelahiran artis ternama K-Pop.

"Mengetahui bahawa program ini turut disiarkan di saluran KBS dan persembahan saya akan ditonton oleh jutaan rakyat Korea Selatan khususnya, saya tidak dapat menggambarkan betapa bermaknanya peluang yang diberikan ini.

"Walaupun hanya menyanyikan

sebuah lagu sahaja, saya bangga dapat membawa nama dan budaya Malaysia tercinta di persada dunia," katanya.

Dalam masa yang sama, Aina berharap dia mampu menembusi pasaran muzik di Korea Selatan suatu hari nanti.

"Mana tahu, mungkin selepas mereka menonton program itu, nama saya di Korea Selatan semakin diingati, peminat semakin bertambah dan mereka mula mengikuti evolusi muzik Aina Abdul," katanya. **WK**



Adzrin Azhar kesal diperlekeh peminat fanatik

PENYANYI yang juga vokalis AANTU Band, **Adzrin Adzhar** mengaku kesal dengan tindakan segelintir peminat fanatik Aina Abdul yang memperlekehkannya.

Mereka mula mempertikaikan dan mengkritik secara negatif bakat Adzrin apabila dia menyampaikan lagu *Terus Hidup* dalam sebuah video di media sosial dan *YouTube*.

"Sebelum ini saya ada menerima job daripada *TikTok* Malaysia untuk menyanyikan lagu *Terus Hidup* sebaik diangkat menjuarai Anugerah Juara Lagu pada tahun lalu.

"Setelah beberapa hari video tersebut dikongsikan di laman *YouTube*, saya perasan terdapat beberapa komen daripada peminat fanatik Aina.

"Bukannya saya tak pernah dikritik. Saya amat alu-alukan kritikan kerana pandangan pendengar itu penting untuk karier saya sebagai penyanyi.

"Apatah lagi bergelar guru vokal, semestinya saya mengharapkan pendapat orang luar untuk menambah baik ilmu yang dimiliki.

"Cuma yang membuat saya ralat, cara peminat fanatik terbabit memberikan komen adalah terlalu naif dan sangat tidak profesional.

"Siapa dia seru (*tag*) nama kawan-kawannya agar berkomplot meninggalkan komen berbau menghina, bukannya membina," dedah penyanyi yang popular menerusi lagu *Pujaan Malaya* itu.

Baginya, kritikan bukanlah menjadi masalah kerana tiada penyanyi yang sempurna, namun soal adab perlu ada dalam diri seseorang.

"Saya rasa sesiapa pun bersetuju dengan pendapat ini. Adab lebih utama daripada ilmu. Jika seseorang itu tahu menjaga tatasusila, automatik apa sahaja pandangannya akan dihormati," tegasnya. **WK**





Dekati lebih 100 spesies haiwan unik di 99 Wonderland Park

Foto: SYUQREE DAIN
Video: HASIF HALIMI
DIANA AMIR

KEBIASAANNYA taman tema keluarga akan dibuka pada waktu siang namun berlainan pula bagi 99 Wonderland Park yang dibuka khusus pada waktu malam buat pengunjung yang ingin meluangkan masa bersama keluarga.

Berkonsepkan mini zoo terbuka, taman yang mula beroperasi pada tahun 2018 itu merupakan satu-satunya taman tema di tengah ibu kota yang dibuka sebelah malam.

Menariknya, lokasi wajib singgah di bawah pengurusan JL 99 Group ini menawarkan pengalaman buat pengunjung melihat dengan lebih dekat pelbagai spesies haiwan yang jarang ditemui di negara ini.

Menurut Eksekutif Pemasarannya, **Luqmanul Hakim Che Mat**, 99 Wonderland Park mempunyai lebih daripada 100

spesies haiwan seperti landak, memerang, tapir, burung unta, buaya, beruang matahari dan pelbagai spesies ular.

"Kalau di zoo pengunjung hanya boleh melihat haiwan-haiwan ini dari jauh tetapi di sini, mereka dibenarkan untuk membelai, memberi makan dan bergambar bersama-sama.

"Ia sekali gus merupakan peluang terbaik buat kanak-kanak

khususnya untuk mengenali habitat haiwan dengan lebih dekat. Meskipun kebanyakannya merupakan haiwan eksotik dan liar namun semuanya telah dijinakkan dan dilatih terlebih dahulu, ujarnya kepada *Wilayahku*.

Beliau berkata, sebagai pengendali taman tema berkonsep

terbuka keselamatan pengunjung amat dititik beratkan bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

"Sebagai contoh, burung unta yang terpilih akan dilepaskan untuk berlegar di luar kandang

dan pengunjung boleh bergambar atau memberi makan dengan syarat tidak melakukan sebarang provokasi terhadap haiwan tersebut.

"Kami sentiasa peka dengan keselamatan pengunjung, oleh itu di setiap kandang akan terdapat seorang veterinar terlatih untuk memantau keadaan selain membantu menjawab segala persoalan daripada pengunjung mengenai haiwan tersebut," ujarnya.

Berkongsi lanjut, Luqmanul berkata fokus utama 99 Wonderland Park adalah untuk menjadi destinasi utama taman tema untuk keluarga pada waktu malam.

"Turut ditawarkan pelbagai aktiviti menarik buat pengunjung dari golongan kanak-kanak sehingga dewasa antaranya *ferris wheel*, *paddle boat*, kereta api, permainan arked dan lebih menarik, di sebelah malam, kawasan ini akan dilimpahi dengan hiasan lampu berwarna-warni dan menjadi *hot spot* buat mereka yang suka bergambar," ujarnya harga tiket juga amat berpatutan dengan apa yang ditawarkan.

Berkongsi mengenai penambahbaikan yang akan



SALAH seorang pekerja sedang memberi makan kepada Cerpelai.

dilakukan, dia berkata, pihaknya bercadang membawa lebih banyak spesies haiwan sekali gus bakal meningkatkan tarikan pertunjukan tarian air pancut muzikal yang merupakan antara keistimewaan lokasi tersebut.

"Bagi kesan yang lebih hebat, kami akan menambah kesan api atau visual hologram pada pertunjukan tersebut yang dijangka siap pada tahun hadapan," ujarnya air pancut terbahagi kepada dua sesi dan memainkan lima buah lagu dalam pelbagai bahasa antaranya Melayu, Tamil dan Cina.

AKTIVITI UNTUK KANAK-KANAK

99 Wonderland Park turut terbuka untuk berkerjasama dengan pihak taska, tadika, sekolah, agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (NGO) dalam menganjurkan pelbagai program seperti hari sukan, hari terbuka dan sebagainya.

"Pada bulan September yang lalu, kita telah mengadakan Program Animal Education

Day sempena Sambutan Hari Malaysia. Ia merupakan salah satu aktiviti bagus untuk kanak-kanak kerana mereka berpeluang untuk berinteraksi, mengenali habitat haiwan seterusnya meningkatkan keberanian dalam diri.

"Selain dapat meluangkan masa bersama keluarga dan mengenali jenis-jenis haiwan, mereka juga dapat merasai pengalaman pergi ke taman tema di malam hari," jelasnya yang boleh memuatkan sehingga 10,000 orang dalam satu-satu masa.

Luqmanul turut berharap 99 Wonderland Park akan menjadi lokasi utama oleh pelancong luar khususnya warga kota pada masa akan datang.

"Kami pernah mengalami kejatuhan semasa tempoh pandemik lalu dan saya harapkan dengan bantuan serta sokongan orang ramai dapat menaikkan semula taman tema ini memandangkan lokasi ini menawarkan pelbagai pengalaman menarik buat semua golongan dari kanak-kanak hingga dewasa," katanya. **WK**



HAIWAN eksotik antara spesies yang dipamerkan.



PENGUNJUNG berpeluang berinteraksi dan bergambar secara dekat dengan haiwan-haiwan di 99 Wonderland Park.



Nikmati makanan tradisional negara gajah putih di Restoran Thai Beach



KHAIRUL IDIN

PULAU Labuan dikenali sebagai syurga makanan di mana lokasi ini amat popular dengan makanan laut yang segar dan murah berbanding tempat lain.

Antara restoran yang sering menjadi tumpuan kepada pengunjung dalam dan luar pulau ini adalah Restoran Thai Beach yang mengetengahkan masakan asli Thailand.

Terletak di Jalan Pesisiran Pantai Labuan Kampung Nagalang, lokasinya jauh dari kesesakan bandar namun ia terkenal kerana keenakan makanan laut dan suasana damai menghadap pantai.

Baru sahaja dibuka pada Oktober tahun lalu, Restoran Thai Beach menyajikan masakan Thailand serta minuman tradisional dari negara tersebut.

Tatkala melangkah ke restoran ini, pengunjung akan disambut dengan dua buah patung gajah gergasi dan seni tulisan Thailand yang akan membuat anda seolah-olah berada di negara tersebut.

Gabungan indah seni yang ada di restoran Thai

Beach membuatkan pengunjung tidak melepaskan peluang untuk memotret kenangan sambil menikmati hidangan yang menyelerakan.

Menurut Pengurusnya, **Dylan Chua**, perkara yang paling dititikberatkan adalah dari segi makanan yang dihidangkan kepada pengunjung. Disebabkan itu, mereka membawa khas lapan orang tukang masak dari Thailand yang mahir.

"Penubuhan restoran ini merupakan alternatif kepada penduduk tempatan dan pengunjung yang meminati hidangan dari negara gajah putih itu.

"Kami melihat peluang untuk menubuhkan restoran makanan ala Thai berikutan permintaan tinggi daripada penduduk tempatan dan pengunjung luar. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan kami tidak menang tangan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Berkongsi lanjut, Dylan berkata pihaknya menawarkan pelbagai hidangan lazat seperti phad woon sen, nasi goreng nenes beserta aneka pilihan ikan antaranya siakap, tilapia, ikan merah dan ikan kerapu.

"Di sini kami menggunakan pes original daripada Thailand seperti pes tomyam, kari, minyak lada,

udang kering, gula perang, phad thai dan sos ikan bagi mengekalkan rasa masakan Thai yang asli," ujarnya hidangan Thailand biasanya disertai perahan limau nipis dan cili.

Tambahnya, pengunjung tidak perlu risau makanan laut yang dihidangkan tidak segar atau sebaliknya kerana bekalan yang diterima daripada nelayan sememangnya dijamin segar dari laut.

"Di sini juga mempunyai kemudahan fasiliti yang selesa antaranya boleh memuatkan 400 sehingga 500 pelanggan dalam satu-satu masa selain mempunyai 40 meja makan, ruang makan terbuka dan lima ruang makan peribadi (bilik) yang dilengkapi set karaoke.

"Setiap pelanggan yang datang bebas memilih tempat yang mereka inginkan namun bagi penggunaan ruang makan peribadi disarankan untuk menempah lebih awal.

"Kami juga turut menerima tempahan untuk sebarang majlis keraian seperti perkahwinan, sambutan hari lahir mahupun acara tertutup daripada agensi kerajaan mahupun swasta," ujarnya lagi harga makanan dan lokasi untuk penganjuran sebarang majlis amat berpatutan. **WK**



Info



**Thai Beach Restaurant,
Kampung Nagalang, Wilayah
Persekutuan Labuan**




Thai Beach Restaurant Labuan



016-587 1313

(WhatsApp untuk tempahan)



MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA!

Dapatkan juga versi e-paper
WILAYAHKU di
www.wilayahku.com.my

LOKASI EDARAN:



Akhbar mingguan **WILAYAHKU** juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

wilayahku.com.my [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku) [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/akhbarwilayahku) [WkTV](https://www.youtube.com/channel/UCWkTV)

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm X 32 cm
RM7,500

SEPARUH MUKA
26 cm X 16 cm
RM5,500

SUKU MUKA
13 cm X 16 cm
RM4,500

PANEL BAWAH
26 cm X 6 cm
RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL

BANNER ATAS **RM3,000**

BANNER TENGAH **RM2,500**

BANNER TEPI **RM2,500**

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan
sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Dilema kenderaan lama di WP

JUMLAH kenderaan berdaftar di Wilayah Persekutuan, meliputi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan ialah 6,320,329, angka tertinggi di seluruh negara. Ini diikuti oleh Johor Bahru sebanyak 3,611,611. Kenderaan merangkumi motosikal.

Data ini tidak menghairankan memandangkan Kuala Lumpur ialah ibu kota serta pusat ekonomi dan kewangan negara. Ia menjadi tumpuan rakyat dari seluruh pelosok negara untuk mencari rezeki.

Putrajaya pula sebagai Pusat Pentadbiran Persekutuan menjadi 'rumah' ramai kakitangan kerajaan yang tinggal di kuarters kerajaan atau rumah persendirian. Kerana itu Adi boleh faham jika banyak kenderaan di Putrajaya.

Kebanyakan mereka yang tinggal di Kuala Lumpur dan Putrajaya memiliki kenderaan sendiri, sekurang-kurangnya motosikal, bagi memudahkan urusan pergi balik ke tempat kerja atau apa juga urusan lain.

Menurut data, jumlah kenderaan berdaftar di seluruh negara adalah dalam lingkungan 30 juta. Daripada jumlah ini separuh atau 15 juta adalah motosikal. Ini menggambarkan motosikal tetap menjadi mode pengangkutan penting.

Bagi yang memiliki kenderaan, ingin Adi tanya berapa usia kenderaan anda? Soalan ini tidak berkaitan bagi pemilik kenderaan baharu. Tetapi jika kenderaan anda sudah melewati atau 10 atau 15 tahun, malah 20 tahun, masihkah kenderaan anda berada dalam keadaan baik?

Mungkin ia masih boleh bergerak meneruskan bakti kepada pemiliknya. Tetapi adakah ia benar-benar 'road worthy' atau sesuai berada di jalan raya serta selamat digunakan?

Adi timbulkan isu ini kerana menurut pemerhatian, masih banyak kenderaan yang sudah berusia bergerak di jalan-jalan di



FAKTOR sosioekonomi rakyat negara ini menyebabkan undang-undang pelupusan kenderaan lama belum dapat dilaksanakan.
- Gambar hiasan

bandar raya. Melihat keadaan fizikal kenderaan, Adi nampak sudah uzur, badan berkarat atau tergunsi di sana sini.

Namun kenderaan seperti ini masih tetap ada di jalan raya selagi boleh bergerak. Tetapi pergerakannya tentu tidak dapat menyamai kenderaan baharu. Ibarat orang yang sudah berusia, pergerakan perlahan dan terhenti-henti apabila berjalan.

Adanya kenderaan seperti ini di ibu kota atau tempat lain kerana Malaysia belum ada undang-undang 'hayat akhir' atau 'tamat tempoh' kenderaan. Tiada peraturan setelah mencapai umur tertentu yang ditetapkan, kenderaan tidak lagi dibenarkan di jalan raya dan dilupuskan.

Pelupusan kenderaan sudah dilaksanakan di negara-negara maju tetapi di Malaysia belum lagi. Seperti dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, Malaysia belum bersedia mengadakan undang-undang sedemikian.

Pelbagai faktor perlu diteliti

jika hendak dilaksanakan, dengan mengambil kira kepentingan dan faktor sosioekonomi rakyat. Sebarang peraturan berkenaan isu tersebut mesti mengambil pendekatan menyeluruh agar tidak menyusahkan rakyat dan menjejaskan kedudukan kewangan mereka.

Pertimbangan ini perlu diambil kira walaupun disadari kenderaan lama banyak menyumbang kepada pelepasan karbon sedangkan Malaysia mahu mengurangkannya. Kuala Lumpur sendiri menyasarkan menjadi bandar raya tiada karbon atau *carbon free* menjelang tahun 2050.

Ramai yang membeli kenderaan, baik kereta atau motosikal, membelinya sekali sepanjang hidup. Kenderaan ini akan digunakan sehingga bertahun-tahun, bukan menukar kenderaan setiap beberapa tahun lantaran demi menjimatkan perbelanjaan.

Kerana itu mereka menjaga kenderaan dengan baik agar sentiasa cantik dan prestasi baik. Namun begitu, kerap kali proses 'guna dan susut' datang sendiri secara perlahan-lahan yang mengakibatkan kenderaan lama tidak dapat bertahan.

Kerana usia, kenderaan lama kerap rosak. Proses membaiki perlu perbelanjaan tinggi, maklum barang lama. Selalu pula bila satu kerosakan berlaku, kerosakan lain muncul. Semakin banyak wang diperlukan untuk merawat barang lama.

Dalam keadaan ini kenderaan lama dibiarkan terus mati. Sayangnya ia tidak 'disemadikan' dengan sempurna. Adi sendiri melihat kereta yang sudah menjadi besi buruk tersadai ditinggalkan di bahu jalan, kawasan taman atau kawasan parkir di ibu kota. Ini bukan cara pelupusan yang betul.

Kehadiran besi buruk ini selain

mencacatkan pemandangan juga berbahaya kepada orang ramai. Mereka boleh terlanggar sehingga menyebabkan cedera. Selain itu jika ditinggalkan di kawasan parkir, akan mengurangkan petak parkir untuk orang ramai.

Biasanya sukar mengesan siapa yang meninggalkan kenderaan buruk ini di tempat tidak sepatutnya. Bagi yang terlibat, senang sahaja lepas tangan. Orang lain yang menanggung akibat.

Pihak berkuasa seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memang ada menjalankan operasi mengangkut kenderaan lama yang dibiarkan ini untuk dilupus. Memang tidak wajar perkara ini diletakkan di bahu DBKL.

Oleh itu Adi syorkan kepada pihak berkuasa cuba menjejaki pemilik kenderaan, terutama bagi kenderaan yang masih ada nombor pendaftaran. Kenakan penalti kerana meninggalkan kenderaan buruk di tempat awam. Selain itu kenakan bayaran kos pelupusan.

Dalam usaha menangani isu kenderaan lama ini, wujud gesaan agar diperkenalkan tempoh hayat kenderaan untuk tujuan pelupusan apabila sampai waktu. Hanya kenderaan yang benar-benar sihat dibenar berada di jalan raya bagi mengekang pelepasan karbon berlebihan.

Idea ini nampak rasional. Namun keadaan pada masa ini dianggap belum sesuai, apatah lagi jika dilaksana secara mengejut. Ia boleh menyebabkan rasa tidak senang hati dalam kalangan rakyat dan menjejaskan perbelanjaan mereka.

Seperti yang Adi sebut, ramai membeli kenderaan sekali sepanjang hidup. Mungkin sewaktu membeli mereka bekerja. Jika hendak membeli kenderaan baharu, mungkin sudah bersara. Tentu sahaja mereka tidak mahu menanggung beban pinjaman

baharu.

Tambahan lagi sudah bersara bukan mudah dapat pinjaman. Kerana itu mereka lebih setia dengan kenderaan lama selagi boleh digunakan. Atau wang yang ada boleh digunakan untuk perbelanjaan lain.

Ada juga berpandangan jika kereta lama dibiarkan digunakan boleh menjejaskan industri otomobil negara kerana ramai tidak membeli kenderaan baharu. Bagi Adi, boleh diterima teori ini. Tetapi peratusnya kecil sahaja kerana ramai pembeli baharu akan muncul.

Ini terbukti di mana pendaftaran kenderaan baharu baik di Wilayah Persekutuan khususnya mencatat peningkatan saban minggu, bulan dan tahun. Ini menyebabkan kenderaan di ibu kota menjadi semakin banyak, seterusnya menyebabkan kesesakan lalu lintas makin serius. Ditambah dengan kenderaan otoi, jumlahnya kian banyak.

Kerana itu pada hemat Adi, lambat-laun undang-undang akhir hayat kereta perlu wujud dalam usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pelepasan karbon. Ini sejajar dengan hasrat negara bergerak ke arah menjadi negara maju.

Soalnya bila masa sesuai untuk menguatkuasa undang-undang ini? Untuk tempoh terdekat ini nampaknya masih sukar menjadi kenyataan berdasar faktor sosio-ekonomi yang belum mengizinkan.

Namun secara perlahan-lahan ia boleh diperkenal secara berperingkat agar tidak terlalu memberi kejutan. Misalnya bermula dengan melupus kenderaan melebihi 20 tahun dan seterusnya. Yang penting perlu ada langkah permulaan.

Adi—Minat lagu 'Basikal Tua'.

Adi Tjah

RAGAM KOTA

F#minor

Saya akan hilangkan barangan diatas meja ini... dan... dikembalikan dengan 'size' yang lebih besar...



Dalam bahasa perniagaan, 'size' disini bermaksud harganya... Hihihiee...

Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Sajak

SEHELAI DAUN

Sehelai daun yang gugur di laman rumah tidak perlu kau kutip

Usahlah persalahkan pada mentari atau hujan punca daun kering dan basah reput dari tangkainya

Alam meminta kau menilai hijau dan layu sebelum sehelai daun terlerai dari tangkai!

ISMAIL HASHIM
Warisan Puteri,
Negeri Sembilan.

Kempen tanam 350 anak pokok, jaya Program Penghijauan Malaysia PL



KHAIRUL IDIN

BAGI merealisasikan Program Penghijauan Malaysia, Perbadanan Labuan (PL) melaksanakan penanaman sebanyak 350 anak pokok di Kawasan Padang Majal Kampung Pohon Batu, baru-baru ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (Pembandaran), **Fadzilah Mahmud** berkata ia merupakan program kesedaran kepada orang ramai menerusi Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bermula pada tahun 2021 – 2025 bertujuan untuk memelihara dan melindungi alam sekitar.

“Program ini dapat memupuk semangat kecintaan terhadap alam sekitar dan landskap dalam kalangan warga Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), agensi kerajaan, badan bukan



FADZILAH (tengah) ketika merasmikan Program Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di Padang Majal Kampung Pohon Batu, Labuan.

kerajaan dan belia.

“Sebelum ini, PL juga telah melaksanakan beberapa inisiatif

Go Green antaranya Kempen Low Carbon iaitu penanaman pokok di institusi-institusi pendidikan

dan agensi-agensi kerajaan serta penanaman pokok teduhan di bandar dan di sepanjang jalan-jalan

utama bagi merendahkan suhu bandar dan penyerapan karbon,” katanya ketika merasmikan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran PL, Gilbert Chin Hsing Lin dan Pegawai Rakan Muda Jabatan Belia Dan Sukan WP Labuan Zulhairi Isnean.

Mengulas lanjut, Fadzilah berharap dengan program yang dilaksanakan secara berterusan itu dapat merimbunkan kehijauan di Wilayah Persekutuan Labuan seterusnya mengurangkan ancaman perubahan iklim dan kesan rumah hijau.

“Usaha menghijaukan seluruh pulau ini hendaklah menjadi tanggungjawab kita bersama agar dapat menyahut Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bermula pada tahun 2021 – 2025,” jelas beliau. **WK**

PL digesa tangani isu bekalan air dan elektrik di Labuan

PERBADANAN Labuan (PL) digesa merancang langkah masa panjang bagi memastikan bekalan air dan elektrik tidak terputus pada masa akan datang.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), **Datuk Noridah Abdul Rahim**, Labuan harus mengambil inisiatif untuk memiliki bekalan air dan elektrik yang diuruskan sendiri.

“Perkara itu susulan berlakunya kekurangan bekalan air dan elektrik yang tidak mampu menampung keperluan dan permintaan yang semakin meningkat,” ujar beliau dalam satu kenyataan.

Terdahulu, Noridah mengadakan lawatan kerja selama dua hari di Labuan. Ia merupakan lawatan pertama beliau selepas dilantik sebagai Ketua Pengarah JWP pada 26 September lalu.

Dalam lawatan itu, beliau turut berkesempatan menyantuni warga kerja pengurusan PL dan melawat beberapa tapak projek pembinaan di sekitar Labuan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah JWP, Ramlee Yatim dan Ketua Pegawai Eksekutif PL, Rithuan Mohd Ismail. **WK**



NORIDAH (dua dari kanan) meninjau tapak projek ketika lawatan kerja selama dua hari ke Labuan.

Giat usaha promosi dan lestarikan tapak geowarisan Labuan

PROGRAM Kembara Citra Sejarah dan Geowarisan 3.0 yang dianjurkan Jabatan Muzium Labuan menjadi pentas mempromosi dan melestarikan tapak-tapak warisan di Labuan.

Pengarah Muzium Labuan, **Muhammad Azam Adnan** berkata penganjurannya mampu memberi kesedaran dan ilmu kepada masyarakat setempat dalam usaha untuk memulihara dan mempromosikan tapak-tapak geowarisan.

“Ia juga menarik lebih ramai pelancong melawati tapak bersejarah serta mengenali rapat sosiobudaya pulau tersebut.

“Pelaksanaan program ini merupakan tanda sokongan padu pihak kami bersama agensi kerajaan, industri pelancongan, institusi pendidikan, persatuan, golongan belia dan komuniti setempat,” ujarnya.

Katanya, program tersebut menyokong usaha jejak warisan dan sumber geologi megalitik, biodiversiti, arkeologi, sejarah dan budaya yang terdapat di Labuan.

“Program ekopelancongan ini merangkumi lawatan kembara ke destinasi persinggahan geowarisan di Labuan iaitu tapak warisan Stesen Trigonometri Bukit Timbalai 1948, Tapak Budaya Geopark Labuan Kampung Tradisi Atas Air Bebuloh Laut, Tapak Terowong Bekas Arang Batu Lubok Temiang dan Rumah Bumbung 12 Taman Botanical Labuan 1854,” katanya kepada pemberita pada program tersebut, baru-baru ini.

Lebih 30 peserta membatikan pelbagai agensi kerajaan dan swasta menjayakan Program Kembara Citra Sejarah dan Geowarisan 3.0 sekali gus melestarikan tapak-tapak warisan di Labuan. **WK**



ANTARA peserta yang menyertai Program Kembara Citra Sejarah dan Geowarisan 3.0 anjuran Jabatan Muzium Labuan, baru-baru ini.

PERADUAN MEWARNA PM235



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM235".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 11 NOVEMBER 2023.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 237.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA MENARA KUALA LUMPUR



TEKA SILANG KATA SK235



MELINTANG

1. Sepatu
4. Sejenis tumbuhan tropika
5. Sejenis mamalia kecil
8. Rhinocerotidae
9. Serangga bewarna perang gelap
10. Sumber pencahayaan

KE BAWAH

2. Binatang berkulit licin
3. Salah satu sumber protein yang baik
6. Mengeluarkan bunyi siulan yang nyaring
7. Bola daripada getah tipis yang diisi dengan udara

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK235".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 11 NOVEMBER 2023.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 237.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA MENARA KUALA LUMPUR



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada: wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 233

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM233:

NURUL ASHSYURA UMAIRAH
(7 tahun)
Kg. Bukit Kuda, Labuan

DHIYA MEDINA BT KHAIRUL PATA
(9 tahun)
Setia Eco Glades, Cyberjaya.

NUR BALQIS NAJIHAH BT HISHAM
(12 tahun)
Presint 17, Putrajaya



DHIYA


BALQIS

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK233:


MUHAMMAD AIMAN AFIQ AZIZI ASWARIZA
(24 tahun)
Hospital Kuala Lumpur

FARIDAH BT ALI
(38 tahun)
Taman Ambar, Dengkil

AHMAD AIZAD B. BADRULLESHAM
(19 tahun)
Kampung Sungai Manggis, Banting




AIMAN



AIZAD

FARIDAH





HAZIRAH HALIM

Areyna Henna tawar inai berkualiti, tahan lama

PEMAKAIAN lukisan inai bagi masyarakat di Malaysia terutama golongan wanita sudah menjadi kebiasaan lebih-lebih lagi apabila kini terdapat pelbagai jenis produk inai di pasaran yang bukan sahaja boleh digunakan untuk mewarna jari malah rambut dan kuku.

Tatkala musim perayaan mahupun majlis perkahwinan pula, pastinya ramai yang ingin menghias tangan dengan lukisan inai tetapi bimbang akan kualiti dan ukiran seni yang dihasilkan.

Tampil memperkenalkan produk inai keluarannya sendiri, Areyna Henna yang diusahakan oleh **Nurazreena Afiqa Salmi**, 28, menawarkan pelbagai jenis produk inai antaranya inai kon dan inai celup yang pastinya berkualiti, halal dan sah solat serta telus air.

Berkongsi lanjut, Azreena berkata inai yang dihasilkan sendiri itu memiliki satu warna sahaja iaitu warna merah yang dijual dalam pelbagai jenis saiz dan harga bermula RM4 hingga RM10.

"Saya seorang yang sangat cerewet lebih-lebih lagi apabila hendak melukis inai di tangan seseorang, jadi kualiti inai itu sangat penting bagi saya. Jadi, saya buat keputusan untuk menghasilkan produk inai.

"Alhamdulillah, kebanyakan pelanggan memberitahu inai yang dihasilkan pekat, tahan lama selain lukisan seni inai juga lebih halus dan kemas," katanya yang sudah



berpengalaman dalam bidang tersebut sejak tahun 2015.

Tambah Azreena, dia lebih menyukai inai berwarna merah kerana ia tahan lebih lama berbanding inai putih yang hanya kekal sekurang-kurangnya enam jam sahaja.

"Inai putih lebih kurang seperti kapur di mana kalau diletakkan di atas tangan, ia sukar diserap ke

dalam kulit dan biasanya kalau kena air memang akan cepat hilang.

"Berbeza dengan inai merah, ia lebih murah, mudah didapati dan tahan lebih lama, disebabkan itulah inai merah ini kebiasaannya digunakan untuk majlis perkahwinan kerana lukisan dan warnanya lebih menonjol dan tidak mudah luntur," katanya kepada *Wilayahku*.

Ditanya mengenai cabaran dalam

mengusahakan perniagaan inai, Azreena berkata rekaan yang dipilih serta warna kulit dan bentuk saiz tangan pelanggan memberi cabaran kepadanya untuk melukis inai.

"Warna kulit pelanggan berbeza-bebeza termasuklah bentuk saiz tangan. Kalau saiz tangan kecil, ia lebih mudah berbanding tangan yang agak lebar tetapi ia bergantung juga pada rekaan atau corak lukisan inai yang dipilih.

"Saya ada corak sendiri yang mereka boleh pilih tetapi kalau pelanggan nak corak yang mereka sendiri mahu, saya boleh buat. Cuma ada sesetengah pelanggan tidak suka tunggu lama," katanya situasi itu sering berlaku ketika dia hendak melukis inai pengantin.

Areyna Henna turut menyediakan

Info

**Uptown Danau Kota,
Kuala Lumpur**

9 malam hingga 2 pagi

017-483 8273

**@arenavintage
(hennabyareyna)**

perkhidmatan melukis inai di Kuala Lumpur dan Perak namun kini orang ramai boleh mengunjungi kedainya yang terletak di Uptown Danau Kota, Kuala Lumpur pada setiap hari Rabu hingga Sabtu bermula pukul 9 malam hingga 2 pagi. **WK**



AREYNA Henna tahan lama kerana ia diperbuat daripada tumbuhan semula jadi.



AZREENA (empat dari kiri) menerima Anugerah Usahawan Komuniti semasa di kolej.

Anugerah usahawan komuniti

BERCERITA lanjut tentang kisah pertama kali menceburkan diri dalam bidang lukisan inai, Azreena berkata, ia bermula ketika dia sedang melanjutkan pengajian di Kolej Komuniti.

"Disebabkan terlalu minat dengan lukisan inai, saya selalu melukisnya di buku. Apabila pensyarah melihat saya melakukan perkara itu, dia terus minta saya lukis inai di tangannya meskipun pada ketika itu saya tidak begitu mahir lagi.

"Kemudian, dia berpuas hati dan mempromosikan kemahiran tersebut kepada

pelajar lain. Bermula daripada situlah saya sering mendapat tempahan daripada rakan-rakan untuk melukis inai terutama ketika musim perayaan Hari Raya Aidilfitri," ujar bekas pelajar bidang kecantikan terapi dan pengurusan spa ini.

Pernah menerima Anugerah Usahawan Kolej Komuniti, dia turut menitipkan pesan kepada pelukis inai di luar sana agar sentiasa melukis tidak kira di buku mahupun tangan agar lukisan inai lebih teliti, kemas dan cantik dipandang. **WK**

APMBP 2022-2023 iktiraf pengusaha premis makanan di Putrajaya



DIANA AMIR

BAGI mengiktiraf pengusaha premis makanan di Putrajaya yang komited dalam mempraktikkan aspek keselamatan dan kualiti makanan masing-masing, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Anugerah Premis Makanan Bersih Putrajaya (APMBP) 2022-2023 pada Khamis.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TP Fadlun Mak Ujud**, ia merupakan penganjuran edisi ketiga selepas tahun 2016 dan 2020.

"Antara kategori premis makanan yang telah diiktiraf adalah premis restoran francais dan bukan francais, gerai makanan, kiosk makanan, hotel, kantin sekolah, kafeteria, dapur komersial, *food truck* serta kedai kek dan pastri.

"Manakala bagi kategori khas pula, melibatkan Premis Contoh Program Mentor Mentee Premis Makanan PPj, Premis Contoh Program BeSS Pejabat Kesihatan Putrajaya dan Premis Contoh My Trust Catering Kesihatan Putrajaya," katanya menerusi satu kenyataan media.

Fadlun berkata terdapat 10 kategori pengiktirafan dan tiga kategori khas dengan mengambil kira penilaian yang telah dijalankan oleh PPj dengan kerjasama rakan



FADLUN (kiri) ketika merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Bersihkan Meja Selepas Makan (Zon Meja Bersih Putrajaya) Julai lalu.

strategiknya iaitu Pejabat Kesihatan Putrajaya (PKPj) bagi tahun 2022 hingga 2023.

"Sebanyak tujuh aspek penilaian yang dijalankan merangkumi pematuan kriteria kawasan penyediaan makanan, kawasan penyajian makanan, etika pengendali makanan, sistem bekalan air, kemudahan sanitasi, struktur dan

penyelenggaraan premis serta lain-lain keperluan seperti yang dikehendaki di dalam Garis Panduan Pemeriksaan dan Penggredan Premis Makanan PPj dan Kementerian Kesihatan Malaysia," ujarnya Putrajaya telah menyaksikan peningkatan premis makanan sebanyak 480 buah pada tahun ini berbanding 173 premis makanan pada tahun 2007.

Bagi meneruskan komitmen PPj dalam aktiviti keselamatan makanan, Fadlun berkata pihaknya secara berterusan telah menganjurkan Program Mentor Mentee Premis Makanan PPj.

"Semua premis makanan Gred B terpilih akan dibimbing untuk peningkatan ke Gred A dengan melalui modul-modul yang telah

ditetapkan.

"Sebanyak 73 peratus peserta program ini telah berjaya dinaik taraf ke Premis Makanan Gred A pada tahun 2022 dengan bimbingan dan penilaian berterusan sehingga tempoh 2023.

"Mengikut rekod sebanyak 252 premis makanan telah diberikan penarafan Gred A sehingga September 2023 berbanding 239 untuk tempoh sama pada tahun ini," jelasnya yang berharap dengan program serta inisiatif ini dapat memberi kesedaran kepada pemilik premis serta orang awam tentang kepentingan penjagaan kebersihan premis makanan.

Tambahnya lagi PPj telah memperkenalkan satu inisiatif baharu iaitu Kad Pengendali Makanan Perbadanan Putrajaya kepada semua pengendali makanan yang bekerja di sekitar pusat pentadbiran kerajaan.

"Inisiatif pengenalan kad pintar ini adalah sebagai satu usaha PPj dalam mewujudkan dokumen rasmi bagi Kad Latihan Pengendali Makanan PPj dan Kad Suntikan Typhoid PPj.

"Setiap rujukan data pengendali makanan yang disimpan bukan sahaja mampu mengelakkan risiko pemalsuan dokumen wajib pengendali makanan, malah akan memudahkan pemeriksaan dijalankan oleh PPj dan PKPj melalui data yang telah terintegrasi dengan lebih telus dan sistematik," katanya.

WK

350 peserta sertai Program BeST@School siri 3

SERAMAI 350 peserta menyertai Program BeST@School siri ketiga yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11 (3), Presint 11 baru-baru ini.

Menerusi program tersebut pembersihan secara keseluruhan kawasan sekolah diadakan seperti pencucian longkang tersumbat, keceriaan landskap, pembuangan sisa pukat dan *plogging*.

Ia turut melibatkan pengurusan kesihatan persekitaran seperti pembersihan tandas, pemeriksaan kebersihan makanan di kantin sekolah serta kesedaran pencegahan demam denggi.

Program BeST@School siri ketiga ini turut melibatkan pelajar sekolah, guru, pegawai dan pekhidmat Perbadanan Putrajaya, SWCorp, Jabatan Pendidikan

Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Alam Flora Sdn Bhd. Para ibu bapa turut bersama-sama turun padang dalam menjayakan usaha murni ini.

Dalam pada itu, Kempen Kemas Meja selepas makan dan aktiviti kitar semula turut diadakan dengan jumlah kutipan yang berjaya dikumpulkan adalah sebanyak 250 kilogram. WK



SEKITAR suasana Program BeST@School yang diadakan di SK Putrajaya Presint 11 (3) baru-baru ini.



Idam cipta kejayaan gemilang

Hannan bakal beraksi di Asian Canoe Polo

SABRINA SABRE

ATLET kayak Wilayah Persekutuan, **Nurhannan Aiman Sabaruddin**, 21, berharap penampilannya dalam Kejohanan Asian Canoe Polo 2023 akan memberi keputusan positif buat diri dan pasukannya.

“Ia merupakan penampilan pertama saya dalam kejohanan, sudah pasti mahu melakukan sehabis baik seterusnya menyumbang pingat untuk Wilayah Persekutuan, insya-Allah.

“Bagi memastikan momentum terbaik dapat diberikan, latihan giat dilakukan setiap hari kerana perlu memastikan diri betul-betul bersedia terutama dari segi mental. Amat penting bagi saya untuk terus kekal konsisten kerana mental yang sihat membolehkan saya untuk menikmati sesi latihan dengan lebih baik.

“Sukan kayak memerlukan stamina yang tinggi, latihan secara kerap diperlukan bagi mengekalkan momentum prestasi atlet memandangkan tiada sebarang kejohanan disertai sejak negara dilanda pandemik COVID-19 dua tahun lalu,” ujarinya kepada *Wilayahku*.

Sementara itu, anak keempat daripada enam orang adik-beradik ini juga bercita-cita untuk melayakkan diri bermain di Sukan SEA pada masa akan datang.



AKSI Nurhannan ketika Johor International Canoe Championship SIRKIT.

“Saya tahu ia bukan mudah tetapi tidak mustahil. Bergelar seorang pemain kayak profesional suatu hari nanti merupakan impian tertinggi sejak berkecimpung dalam sukan ini,” ujarinya.

Dalam masa sama, Nurhannan memberitahu dirinya turut bercita-cita untuk menempa kejayaan bersama skuad kebangsaan di Kejohanan Dunia.

“Bukan itu sahaja, saya

juga meletakkan sasaran untuk mengharumkan nama Malaysia di mata dunia. Selagi apa yang dicita-citakan tidak tercapai, saya tidak mahu terlalu cepat meletakkan diri dalam zon selesa. Walau

Pencapaian Nurhannan

2022 – SUKMA XX MSN

2022 - TK1 – Tempat kedua, TK2 – Tempat ketiga

2022 - Dragon boat women – Tempat kedua

bagaimanapun, sejak kecil lagi saya lihat perjalanan dalam dunia kayak ini mudah,” ujarinya yang mula bergiat aktif sejak berumur 16 tahun.

Pelajar di Universiti Kolej Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) International, Hannan memberitahu dia menyimpan cita-cita untuk bergelar seorang fisioterapi apabila tamat pengajian pada tahun 2024 kelak.

“Sungguhpun mencintai sukan kayak namun saya tidak mahu mengabaikan pelajaran dan menjadikan gelaran atlet sebagai suatu halangan. Itu janji saya pada diri dan keluarga.

“Kalau boleh saya ingin bergelar atlet yang berpendidikan tinggi. Malah besar harapan suatu hari nanti dapat menjadi ahli fisioterapi yang hebat,” ujar anak kelahiran Kuala Lumpur ini. **WK**

Road to Gold: Hoki, badminton beregu campuran, digugurkan

PROGRAM Road to Gold (RTG) mengumumkan pengguguran atlet daripada program itu, termasuk pasukan hoki lelaki kebangsaan yang gagal mencapai sasaran pingat emas yang mereka sendiri tetapkan di Sukan Asia Hangzhou 2022.

Mesyuarat Jawatankuasa RTG ketiga yang berlangsung baru-baru ini turut memutuskan untuk menggugurkan atlet badminton, pasangan beregu campuran persendirian Tan Kian Meng-Lai Pei Jing dan Goh Soon Huat-Shevon Jemie Lai, selepas penilaian semula terhadap prestasi mereka.

Kedua-dua pasangan itu kini terkeluar daripada ranking kelayakan ke Paris dengan Soon Huat-Shevon berkedudukan ke-16 dunia, manakala Kian Meng-Pei Jing, ke-24.

Penyelaras Program RTG, Datuk Stuart Ramalingam berkata keputusan tersebut terpaksa dilakukan, disebabkan prestasi buruk pemain badminton tersebut, tetapi berharap tindakan itu akan memotivasikan mereka pada kelayakan dan pertandingan yang mereka sertai untuk layak ke Paris.

“Penyenaraian pasukan hoki negara dibuat selepas mereka menduduki ranking kesembilan dunia, namun kini ranking mereka telah jatuh ke-12 dan gagal untuk memenangi pingat emas Sukan

Asia, yang menawarkan kelayakan terus ke Paris.

“Jawatankuasa RTG bersetuju untuk menyenaraikan semula pasukan hoki negara, jika prestasi mereka melepasi jangkaan dan layak ke Sukan Olimpik pada kejohanan kelayakan selepas ini, iaitu sama ada di Muscat, Oman (15-21 Jan) atau di Valencia, Sepanyol (13-21 Jan), tahun depan,” katanya ketika sidang media pada Selasa.

Sementara itu, kemasukan ke program itu kali ini hanya melibatkan atlet angkat berat Mohamad Aniq Kasdan, yang kini berkedudukan ke-10 Ranking Kelayakan Olimpik.

“Aniq baru berusia 21 tahun, kami melihat beliau berpotensi besar untuk memperbaiki angkatan peribadinya pada 291 kilogram,” katanya.

Jawatankuasa itu memutuskan untuk tidak menyenaraikan atlet terjun lelaki Bertrand Rhodict Lises dan penembak Johnathan Wong, yang telah melayakkan diri ke Sukan Olimpik Paris ke dalam RTG, namun akan membantu mereka menerusi Skim Insentif Sukan Olimpik (SISO), selain meneruskan sokongan menerusi Program Podium sedia ada.

Bertrand juga menerima elaun tambahan atas kejayaan beliau memenangi pingat gangsa Sukan

Asia dalam acara 10 meter platform bersama Enrique Maccartney Harold dan Majlis Sukan Negara (MSN) akan merangka program khas untuk penerjun berusia 18 tahun itu.

“Pelayar Nur Shazrin Latif, yang layak ke Paris selepas meraih emas acara ILCA 6 Sukan Asia, juga akan menerima kenaikan elaun untuk pingat emasnya dan juga menerima insentif tambahan untuk kelayakannya ke Sukan Olimpik menerusi SISO.

“Beliau akan terus disokong sepenuhnya oleh Program Podium dengan menerima penginapan, makanan, perlindungan kos pertandingan, peralatan, pemakanan serta perkhidmatan perubatan dan sains sukan,” katanya.

Stuart berkata seorang lagi pemenang pingat emas Hangzhou Qabil Ambak Mahamad Fathil dalam sukan equestrian, tidak dimasukkan ke dalam RTG kerana atlet tersebut tidak berhasrat untuk bertanding pada kelayakan ke Sukan Olimpik.

Sementara itu, selepas sukan skuasy diluluskan untuk dipertandingkan buat pertama kalinya pada Sukan Olimpik Los Angeles 2028, Jawatankuasa RTG telah memberikan tanggungjawab kepada legenda dan ahli

jawatankuasa itu Datuk Nicol David, menerajui pelan strategik sukan tersebut bagi memasuki Program RTG pada masa hadapan. RTG merupakan satu program at-

let elit yang dilancarkan pada Mac, dalam usaha memenangi pingat emas Sukan Olimpik negara yang pertama di Paris dan Los Angeles. - **BERNAMA**





Generasi masa kini perlu elak sikap individualistik

HAZIRAH HALIM

AHLI Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berharap generasi masa kini khususnya dalam kalangan pelajar tidak hanya cemerlang dalam akademik semata-mata sebaliknya mempunyai disiplin diri yang tinggi, berketerampilan dan tidak bersikap individualistik.

Beliau berkata kerjaya masa kini memerlukan pekerja yang inovatif dan berfikir kreatif serta kritis dalam mencari penyelesaian yang terbaik serta mempunyai daya tahan (*resilience*) dan mampu berdikari.

“Kita tidak mahu melahirkan ulat buku yang hanya cemerlang dari segi akademik semata-mata sebaliknya generasi yang seimbang perkembangannya dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelektual, selain mampu memainkan peranan penting dalam masyarakat.

“Oleh itu, para pelajar perlu melengkapkan diri bukan sahaja dengan pendidikan tinggi tetapi juga kemahiran semasa dan bijak dalam mencari peluang bagi mendedahkan diri kepada perkara baharu,” kata beliau ketika hadir menyerahkan sumbangan Bantuan Awal Pengajian *one-off* kepada 110 pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sekitar Bandar Tun Razak di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Jalan Yaacob Latiff pada Selasa.

Turut hadir, Setiausaha Politik Kepada Perdana Menteri, Datuk



AZIZAH (tengah) bersama dif jemputan dan para penerima Bantuan Awal Pengajian *one-off* di IYC pada Selasa.

Azman Abidin; Pengurus Besar Yayasan Bank Rakyat (YBR), Syaiful Rizal Abdul Ghani dan Exco Pendidikan Parlimen Bandar Tun Razak, Saifulizan Haron.

Menerusi program itu, Yayasan Bank Rakyat (YBR) dengan kerjasama Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak menyerahkan sebanyak RM500 kepada setiap pelajar yang terpilih dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM55,000.

Azizah berkata inisiatif itu bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan pelajar khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) yang mempunyai peluang menyambung

pendidikan ke peringkat lebih tinggi.

“Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada YBR di atas kerjasama strategik ini dan tahniah kepada semua penerima yang terpilih untuk bantuan awal pengajian ini,” katanya.

Sementara itu, pelajar Universiti Malaya kampus Cyberjaya, Wafiy Aqasha Mohamed Zaini, 18, berkata bantuan yang diterima itu meringankan beban keluarganya dalam menyediakan keperluan pengajian.

“*Alhamdulillah*, bagi keluarga yang kurang berkemampuan seperti saya, ia sangat membantu meringankan beban ibu dan ayah untuk menanggung kos perbelanjaan di universiti,” katanya.

WK

Jualan Rahmah PPR Kampung Baru Air Panas ringankan beban penduduk

PERSATUAN Penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kg Baru Air Panas mengadakan Jualan Rahmah bagi membolehkan penduduk di kawasan tersebut mendapatkan barangan keperluan harian dengan harga serendah RM10.

Karnival yang bermula seawal pukul lapan pagi sehingga 12 tengahari pada 24 Oktober lalu itu merupakan kerjasama di antara persatuan penduduk dan FGV Holdings Bhd.

Ia turut mendapat tajaan berupa khemah daripada pengeluar barangan tempatan yang didirikan di tapak permainan di sekitar Jalan Usahawan 6, Setapak, Kuala Lumpur.

Penganjuran tersebut disambut baik oleh penduduk sekali gus mengalu-alukan agar program itu diadakan lebih kerap lagi bagi mengurangkan beban kos sara hidup mereka.

Terdahulu, pada karnival tersebut, penduduk boleh mendapatkan sebotol minyak masak dua kilogram (kg), dua tin susu pekat manis, satu kg gula pasir dan sekotak santan Saji dengan harga RM10 sahaja. WK



PENDUDUK tidak melepaskan peluang mendapatkan barangan pada harga murah.

JWP lancar Tabung Kemanusiaan Palestin, zahir solidariti

UMUM mengetahui, penduduk di Semenanjung Gaza kini sedang berdepan dengan penindasan rejim Israel yang bertubi-tubi melakukan serangan dan melepaskan bom tanpa henti sehingga mengakibatkan ribuan penduduk terkorban dan cedera.

Justeru itu, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melancarkan Tabung Kemanusiaan Palestin bagi menzahirkan solidariti dan membantu mengurangkan kesengsaraan dan penderitaan rakyat Palestin.

Menurut JWP, tabung itu disediakan buat seluruh warga JWP dan sumbangan yang dilakukan akan disalurkan ke Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) di bawah seliaan Kementerian Luar

Negeri.

“Walau bagaimanapun, mana-mana individu mahupun syarikat korporat, ahli perniagaan serta badan bukan kerajaan (NGO) yang ingin turut serta menyalurkan sumbangan, boleh menyumbang ke akaun AAKRP berkenaan,” jelas JWP.

Sementara itu, perkongsian maklumat di portal Kementerian Luar Negeri menyatakan akaun tersebut ditubuhkan di bawah subseksyen 9 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] sejak 2002.

Ia ditubuhkan untuk mengumpul, menyelaras dan menyalurkan sumbangan kemanusiaan daripada rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin. Kaedah sumbangan boleh

dibuat menerusi nombor akaun **8600302489** (CIMB Bank Berhad) di bawah nama Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin dan mereka yang melakukan sumbangan layak dituntut sebagai potongan cukai pendapatan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Terdahulu, Tabung Kemanusiaan Palestin di bawah JWP telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah JWP, Datuk Norida Abdul Rahim.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Sosio Ekonomi) JWP, Datuk Parang Abai @ Thomas dan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan) JWP, Ramlee Yatim. WK



NORIDAH (lapan dari kiri) dan warga JWP pada Majlis Pelancaran Tabung Kemanusiaan Palestin di Menara Seri Wilayah baru-baru ini.